

"DARIPADA Abi Hurairah Radiallahuanhu dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak satu musibah pun yang menimpa diri seorang Muslim, sama ada yang berupa kesusahan dan penderitaan, kesedihan dan kedukaan ataupun penyakit, bahkan kerana sepotong duri yang mencucuk kakinya (anggotanya), melainkan dihapuskan oleh Allah dengan itu sebahagian dari kesalahannya".
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

BERANGKAT TIBA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Malaysia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Oktober 2025. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (*Lihat muka 2 hingga 3*)

Berkenan hantar titah perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Sanae Takaichi berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Jepun yang Ke-104 dan Presiden Parti Liberal Demokratik.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Sanae Takaichi.



Berita Utama



897 graduan Politeknik Brunei
diraikan

Muka 9



TEROKA kepelbagaian budaya,
tingkatkan kemahiran pelajar

Muka 15



UBD komited mendukung
kesejahteraan mental kakitangan,
pelajar

Muka 19



AKTIVITI bersukan pupuk
perpaduan, kebersamaan

Muka 30

Berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

KUALA LUMPUR, Jumaat, 24 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat

tiba di Malaysia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Oktober 2025.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Malaysia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Oktober 2025. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kiri).

WAKTU SEMBAHYANG										
OKTOBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	3	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	AHAD	4	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
27	ISNIN	5	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
28	SELASA	6	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	RABU	7	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
30	KHAMIS	8	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
31	JUMAAT	9	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	32 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 25 OKTOBER 2025

Amalkan kebersihan diri, elakkan kawasan orang ramai

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), tiada peningkatan dalam kes influenza dilaporkan pada tahun ini. Sebanyak 207 kes influenza yang disahkan telah dikesan dari Januari hingga 15 Oktober 2025, berbanding 259 kes bagi tempoh yang sama pada 2024.

Daripada jumlah kes pada tahun ini, sebanyak 19 peratus daripada jangkitan adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun. Setakat ini, tiada kluster kes atau kematian berkaitan influenza telah dilaporkan.

Berdasarkan pemantauan oleh Kementerian Kesihatan, jenis virus influenza yang utama dikenal pasti pada tahun ini ialah Influenza A (H1N1) sebanyak 61 peratus, diikuti oleh Influenza A (H3) sebanyak 20 peratus dan Influenza B sebanyak 11 peratus.

Untuk makluman orang ramai, jangkitan influenza ialah jangkitan pernafasan akut yang disebabkan oleh virus influenza seperti Influenza A atau B. Ia boleh merebak melalui titisan respiratori seperti kahak, air liur atau *nasal discharge* yang dikeluarkan apabila orang yang dijangkiti bersin, batuk, bercakap atau bernafas. Ia juga boleh merebak melalui sentuhan langsung dengan permukaan yang tercemar.

Virus influenza biasanya menyebabkan simptom ringan seperti demam, selesema, sakit tekak atau batuk. Walau bagaimanapun, ia juga boleh menyebabkan jangkitan teruk bagi individu yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak damit, warga emas dan mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah. Jangkitan influenza lazimnya hanya memerlukan rawatan sokongan. Walau bagaimanapun, ubat antiviral boleh diberikan sekiranya diperlukan.

Untuk menghadapi influenza, amalkan kebersihan diri yang tinggi dengan kerap membasuh tangan menggunakan sabun dan air, terutamanya sebelum makan dan selepas menggunakan tandas, atau gunakan pensanitasi tangan. Amalkan etika batuk dan bersin dengan betul, tutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk atau bersin, kemudian buang tisu tersebut ke dalam tong sampah dengan segera. Jika menggunakan lengan, pastikan ia bersih.

Elakkan kawasan sesak dan bersentuhan rapat dengan orang ramai, serta dapatkan vaksin influenza bagi mereka yang berisiko. Jika bergejala, gunakan *face mask* dan elakkan dari berdekatan orang lain, dapatkan rawatan perubatan jika perlu, dan rehat secukupnya. Tinggal di rumah dan elakkan bersentuhan rapat dengan ahli keluarga atau orang lain untuk mengelakkan jangkitan.

Kementerian Kesihatan sentiasa memantau keadaan di NBD dan pada masa yang sama, bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan di peringkat serantau dan global bagi perkembangan terkini serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan kesiapsiagaan yang berterusan. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دچیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kiri dan atas).



>> Muka 2

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Hadir bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah sejurus tiba di hotel persemayaman.

Darussalam di Pangkalan Tentera Udara Subang, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.

Juga hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Malaysia, Awang Mohd. Aizul Hakim bin Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik terdiri daripada Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja.

Dengan tema 'Inclusivity and Sustainability', Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini, menekankan kemajuan bersama ASEAN dalam memastikan tiada sesiapa tertinggal, sekali gus menggariskan komitmen ASEAN ke arah memperkukuh keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau dalam kerangka yang inklusif, mampan dan berorientasikan masa hadapan.

Semasa berada di Kuala Lumpur, Kebawah DYMM juga akan berangkat ke Majlis Bersama Penuntut-penuntut serta Rakyat dan Penduduk NBD di Malaysia.

BERKENAN BERANGKAT KE KUALA LUMPUR, MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kanan). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah. Manakala gambar bawah, baginda dan paduka anakanda baginda berangkat ke Malaysia.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Malaysia, hari ini, bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Oktober 2025.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Rimba bagi menyampaikan selamat berangkat Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyampaikan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

PELAJAR ISB ADAKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE RTB



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berangkat bersama para pelajar Tahun 6 dari Sekolah Antarabangsa Brunei melawat Radio Televisyen Brunei (atas dan atas kanan).

SUNGAI AKAR, Khamis, 23 Oktober. - Radio Televisyen Brunei (RTB) hari ini menerima lawatan daripada 74 pelajar Tahun 6 dari Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Turut berangkat menyertai rombongan lawatan berkenaan, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Kehadiran rombongan di Kompleks Penyiaran RTB, Sungai Akar berkenaan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong. Terdahulu, lawatan dimulakan

dengan sesi taklimat mengenai fungsi utama RTB sebagai penyiar rasmi kerajaan yang antara lain berperanan untuk menyampaikan maklumat, mendidik dan menghibur serta menjadi penghubung di antara kerajaan dan rakyat.

Topik mengenai dengan teknik serta prinsip penulisan dan bahasa yang digunakan dalam berita juga disampaikan oleh Penolong Ketua Penyunting, Bahagian Berita dan Hal

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hasif Matzin



Ehwal Semasa (BHES), Awang Zul-Fakhri bin Maidy.

Selesai sesi taklimat, rombongan pelajar berpeluang melawat ke Studio Jubli Emas TV untuk menyaksikan lebih dekat bagaimana Rancangan Rampai Pagi beroperasi di sebalik tabir seperti penyediaan set, pengoperasian kamera dan teknik penyiaran langsung.

Seterusnya, para pelajar juga dibawa melawat ke Unit Pemberitaan dan Unit Penyuntingan Berita TV dan Radio, BHES untuk memahami proses pengumpulan dan penyuntingan kandungan berita

televisyen dan radio.

Sejurus selepas itu, lawatan diadakan di Studio Berita termasuk galeri studio, untuk melihat bagaimana kru melakukan tugas mengawal penggambaran dan rakaman.

Pelajar ISB berkenaan, menandakan satu penerokaan dan pembelajaran yang tidak dapat dilupakan di RTB, yang memberi tumpuan kepada dedikasi RTB untuk menjalankan peranan utamanya bukan sahaja sebagai wadah menyampaikan maklumat, tetapi juga untuk menaani imej kerajaan yang efektif dan pemedulian.

IHP September 2025 catat peningkatan 0.03 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Oktober. - Indeks Harga Pengguna (IHP) pada September 2025 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.03 peratus berbanding September

2024, didorong oleh peningkatan sebanyak 0.4 peratus bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan. Manakala Indeks Bukan Makanan menunjukkan penurunan sebanyak

0.1 peratus.

Peningkatan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan harga buah-buahan (3.9 peratus), khususnya buah-buahan tropika segar, kopi, teh dan koko (3.7 peratus), dan ikan dan makanan laut (1.7 peratus), terutamanya udang segar.

Bagi Indeks Bukan Makanan, penurunan didorong oleh harga pakaian dan kasut (1.4 peratus), pelbagai barangan dan perkhidmatan (1.3 peratus), khususnya insuran kenderaan dan perhiasan, perkakasan dan penyelenggaraan rutin isi rumah (0.7 peratus).

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP September 2025 meningkat sebanyak 0.4 peratus daripada Ogos 2025. Ini adalah didorong oleh peningkatan sebanyak 0.2 peratus bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan 0.5 peratus bagi Indeks Bukan Makanan.

Peningkatan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan harga ikan dan makanan laut (0.9 peratus) dan minuman ringan (0.4 peratus). Manakala peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya didorong oleh peningkatan harga pakaian dan kasut (4.2 peratus) dan pengangkutan (0.8 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian

Perbelanjaan Keluarga.


Laporan penuh IHP bagi September 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

deps.mofe.gov.bn
info.statistics@pes.gov.bn
@statistics.jpes



جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA SEPTEMBER 2025



Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud pertambahan atau pengurangan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud pertambahan atau pengurangan harga dengan tahun sebelumnya.
- *Perhiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah.

Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan Minuman Ringan ▲ 0.4%



Bukan Makanan ▼ 0.1%



Bakul IHP bernilai BND100.00 pada Jan 2015
kini bernilai BND106.28 pada Sep 2025
Makanan BND115.70
Bukan Makanan BND104.10



JANGAN MENGIKUTI KENDERAAN DI HADAPAN AWDA TERLALU RAPAT

Jalan raya akan menjadi licin semasa hujan. Jika awda mendapati kenderaan di hadapan awda menekan brek secara tiba-tiba, awda mungkin tidak akan mempunyai masa untuk berhenti

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

Memperluaskan kerjasama antara parlimen


Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

GENEVA, Jumaat, 24 Oktober. - Semasa Perhimpunan 151st Assembly of the Inter-Parliamentary Union (IPU) di Geneva, Switzerland, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diketuai oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib berserta Ahli-ahli MMN turut mengadakan beberapa Mesyuarat Dua Hala secara sampingan bersama rakan-rakan antara parlimen. Antara mesyuarat berkenaan termasuk dengan Setiausaha Agung IPU, Tuan Yang Terutama Martin Chungong, yang telah mengalu-alukan penyertaan rasmi MMN sebagai ahli ke-183 IPU. Dalam pertemuan berkenaan, kedua-dua pihak membincangkan

mengenai usaha untuk memperkukuh penglibatan MMN dalam aktiviti IPU termasuk penyertaan dalam mesyuarat, program serta inisiatif yang berkaitan dengan pembangunan institusi parlimen. Pertemuan berkenaan turut menzahirkan komitmen bersama untuk memperkukuh hubungan baik dan kerjasama dalam memajukan objektif IPU di peringkat global. Sementara itu, MMN turut berpeluang mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama delegasi British Group Inter-Parliamentary Union yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen House of Commons dan House of Lords, United Kingdom untuk bertukar pandangan dan memahami dengan lebih dekat

YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Setiausaha Agung IPU, Tuan Yang Terutama Martin Chungong (kanan), manakala gambar bawah, MMN turut berpeluang mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama delegasi British Group Inter-Parliamentary Union.

mengenai sistem perundangan serta amalan parlimen di kedua-dua buah negara. Pertemuan berkenaan menjadi wadah untuk memperkukuh persefahaman dan menjalin hubungan berasaskan dialog terbuka dan saling menghormati, di samping menegaskan komitmen terhadap usaha memperluaskan kerjasama antara parlimen yang konstruktif dan berterusan.



MEMPERKUKUH USAHA KEMANUSIAAN, PERANAN PARLIMEN MELINDUNGI GOLONGAN TERJEJAS



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

GENEVA, Khamis, 23 Oktober. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah menghadiri Mesyuarat Perhimpunan 151st Assembly of the Inter-Parliamentary Union (IPU) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan pada 20 hingga 23 Oktober 2025, bertempat di Geneva International Conference Centre (CICG), Switzerland. Perhimpunan pada tahun ini membawa tema 'Upholding Humanitarian Norms and Supporting Humanitarian Action in Times of Crisis', yang telah menekankan kepentingan memperkukuh usaha

kemanusiaan dan peranan parlimen dalam melindungi golongan yang terjejas akibat konflik, bencana dan krisis global. Sesi Perbahasan Umum (General Debate) telah memberikan tumpuan kepada peranan parlimen dalam memperkukuh undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan menyokong tindakan kemanusiaan di kawasan yang dilanda konflik dan bencana. Ini termasuk tindakan bertanggungjawab termasuk bantuan kemanusiaan kepada mangsa peperangan terutamanya

di Palestin. Perbahasan umum juga menyentuh pendekatan keamanan, pembangunan, kesihatan dan perubahan iklim bagi memastikan kesejahteraan masyarakat sejagat.

Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap IPU juga telah bersidang bagi membincangkan isu-isu khusus dalam bidang keamanan, hak asasi manusia, pembangunan mampan dan hubungan antarabangsa. Jawatankuasa Pembangunan Mampan (Sustainable Development), menumpukan perbincangan kepada peranan parlimen dalam perlindungan perdagangan, tarif, pengelakan cukai korporat dan kesan perubahan iklim.

Jawatankuasa Hal Ehwal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Affairs) telah membincangkan sistem pelbagai hala serta usaha memperkukuh kerjasama dalam menghadapi cabaran global. Forum Ahli Parlimen Muda menumpukan kepada usaha memperkasa penyertaan dan kepimpinan belia dalam parlimen.

Mesyuarat Governing Council membincangkan laporan aktiviti IPU dan kemajuan pelaksanaan IPU Strategy 2022-2026. Mesyuarat berkenaan juga telah meluluskan belanjawan, pelan tindakan wanita dalam parlimen, pindaan kepada Statut dan Peraturan IPU serta



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara semasa menghadiri Mesyuarat Perhimpunan 151st Assembly of the Inter-Parliamentary Union (IPU) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan pada 20 hingga 23 Oktober 2025, bertempat di Geneva International Conference Centre (CICG), Switzerland (atas dan atas kiri).

mempertimbangkan permohonan bagi keahlian termasuk bagi MMN, Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perhimpunan diakhiri dengan pembentangan laporan Jawatankuasa Tetap, penerimaan hasil Perbahasan Umum, serta kelulusan resolusi-resolusi dan pindaan statut IPU.

Delegasi MMN, NBD diketuai oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Yang Di-Pertua MMN turut disertai oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP

MANGGIS / MADANG, Jumaat, 24 Oktober. – Hidayah itu milik Allah Subhanahu Wata'ala dan Islam adalah agama yang membawa kedamaian, kasih sayang dan kesejahteraan kepada seluruh umat manusia.

Sehubungan itu, pagi tadi menyaksikan seorang lelaki berbangsa Cina, Chua Kuang Liang, berumur 27 tahun melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislamannya yang diadakan di Dewan Masjid Suri Seri

Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Atur cara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, yang kemudian diteruskan dengan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman seorang lelaki berbangsa Cina yang kini dikenali sebagai **Awang Muhammad Yusuf Liang bin Abdullah Chua** (kanan), manakala gambar bawah kiri, sekitar majlis tersebut.

lafaz dua kalimah syahadah oleh Chua Kuang Liang, yang kini dikenali sebagai **Awang Muhammad Yusuf Liang bin Abdullah Chua**.

Majlis Pengislaman berkenaan disempurnakan di hadapan para pegawai dari Bahagian Pengembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban, diiringi dengan menabur bunga rampai serta penyampaian cenderamata oleh tetamu kehormat majlis kepada saudara baharu yang diraikan sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memberkati majlis.

Sejak awal Januari hingga September tahun ini, seramai 194 orang memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Jumlah berkenaan mencerminkan keberkesanan



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

usaha dakwah berterusan serta sokongan masyarakat terhadap individu yang memilih Islam sebagai pegangan hidup yang baharu.

Penganjuran Majlis Pengislaman menjadi wadah bagi masyarakat Islam untuk bersama-sama meraikan kehadiran saudara baharu dalam agama Islam dengan penuh kasih dan hormat

Usaha murni berkenaan juga membuktikan bahawa Islam adalah

agama yang menggalakkan semangat persaudaraan tanpa mengira bangsa dan latar belakang serta semangat pengukuhan ukhuwah Islamiah dalam kehidupan bermasyarakat.

Penganjuran majlis juga memperlihatkan komitmen kerajaan melalui KHEU, khususnya PDI dalam memberi bimbingan serta sokongan berterusan kepada saudara baharu agar mereka terus teguh menghayati dan mengamalkan ajaran Islam.

Mengukuhkan kesalinghubungan serantau, memperkasa sektor swasta

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bergambar ramai bersama Ahli-ahli APEC Business Advisory Council (ABAC) Brunei.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin

mempersiapkan kita untuk peluang yang menanti di luar masa kini.

“Penyerahan laporan hari ini bukan sahaja melambangkan perkongsian Laporan ABAC 2025, tetapi juga aspirasi bersama kita untuk menterjemahkan idea kepada impak membangun negara, memperkasa perniagaan dan melangkaui sempadan bersama.

“Saya berharap untuk terus memperkukuh kedudukan NBD dalam APEC bagi pembangunan ekonomi masa depan,” ujarnya.

Sementara itu, Awang Hafiz Fayadh pula menerangkan pembentangan Laporan ABAC 2025 berkenaan melambangkan penglibatan dan kepimpinan berterusan NBD dalam rangka kerja APEC.

“Walaupun bersaiz kecil, NBD secara konsisten menunjukkan bahawa penyertaan yang berprinsip dan konstruktif membawa pengaruh dalam memajukan matlamat APEC ke

arah kemakmuran, kemampanan dan keterangkuman.

“Melalui ABAC, saya dan Pengiran Aki Ismasufian telah berusaha memastikan keutamaan NBD seperti menyokong PKS serta memperkukuh perdagangan mampan dan terus mendapat perhatian dalam agenda serantau,” katanya.

Jelasnya lagi, laporan tahun ini mencerminkan usaha dan kerjasama kolektif selama berbulan-bulan, serta membantu mengukuhkan kedudukan NBD sebagai suara yang berwibawa dalam membentuk visi ekonomi APEC untuk masa depan.

Pengesyoran berkenaan akan dibentangkan secara rasmi kepada Pemimpin Ekonomi APEC dalam ABAC Dialogue with Leaders di Republik Korea pada Oktober 2025, mengesahkan komitmen ABAC untuk membentuk ekonomi Asia-Pasifik yang terbuka, berdaya tahan dan bersedia untuk masa depan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Oktober. – Ahli-ahli APEC Business Advisory Council (ABAC) Brunei, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim; dan Pengarah Urusan Exceltech Solutions Sdn. Bhd., Awang Hafiz Fayadh, baru-baru ini telah membentangkan Laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) bagi Tahun 2025 kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Dengan tema ‘Bridge, Business. Beyond’, laporan 2025 berkenaan mencerminkan aspirasi ABAC untuk mengukuhkan kesalinghubungan serantau, memperkasa sektor swasta sebagai pemacu inovasi dan pertumbuhan serta merangka kemakmuran jangka panjang yang bersedia menghadapi masa depan

di sebalik ketidaktentuan global semasa.

Tahun ini menyeru untuk memberi tumpuan kepada kemajuan kepimpinan digital, ekonomi yang berdaya tahan dan inklusif serta rangka kerja pelaburan mampan di seluruh rantau Negara Anggota Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

Laporan berkenaan menekankan keperluan mendesak untuk mengekalkan perdagangan terbuka dan berasaskan peraturan, memajukan Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP) serta memperbaharui Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi memastikan sistem perdagangan global yang dipercayai dan dapat diramal.

Selain itu, ia juga menyeru APEC untuk menerajui transformasi digital yang selamat, termasuk penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara bertanggungjawab, perdagangan tanpa kertas dan piawaian digital yang saling beroperasi, di samping menutup

jurang pembiayaan dalam infrastruktur digital, peralihan tenaga dan daya tahan iklim.

Penyertaan inklusif oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), wanita, dan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan, bersama dengan sistem penjagaan kesihatan yang lebih pintar serta daya tahan tenaga kerja di tengah-tengah perubahan demografi, turut ditekankan sebagai kunci kepada daya saing serantau jangka panjang.

Menurut Pengiran Aki Ismasufian, ia adalah satu penghormatan besar untuk mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Mesyuarat ABAC 2025.

Jelasnya, setiap sesi memberikan pandangan berharga tentang bagaimana ekonomi membina jambatan serantau yang lebih kukuh, memperkasa perniagaan dan membentuk masa depan yang lebih mampan untuk rakyat kita.

Tema ‘Bridge, Business. Beyond’ katanya benar-benar mencerminkan semangat kerjasama yang mendefinisikan ABAC kerana melalui platform berkenaan, NBD terus memperkukuh perkongsian yang menghubungkan perniagaan kita, memacu inovasi dan

BERANI MEMBENTUK DASAR BAHARU SELARAS DENGAN REALITI MASA KINI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BOLKIAH GARISON, Khamis, 23 Oktober. - Dalam dunia yang berubah pesat, ketidakpastian yang semakin meningkat dan kemajuan teknologi, kepimpinan bergantung kepada penilaian dan penyesuaian berterusan dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kita perlu berani membentuk dasar-dasar baharu yang selaras dengan realiti masa kini, memastikan dasar-dasar tersebut selaras sepenuhnya dengan Wawasan Brunei 2035. Dedikasi yang tidak berbelah bahagi ini merupakan teras kepada tadbir urus yang dinamik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff menyatakan perkara berkenaan semasa

berucap pada Majlis Penutup Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri Ke-20 bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Dalam Dasar Awam dan Pengurusan anjuran Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, di sini.

Jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II lagi, juga sama pentingnya ialah keupayaan untuk memimpin dengan kecerdasan emosi serta keutuhan budaya dan moral, yang mencerminkan inti pati falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), dengan kepimpinan diukur bukan sahaja melalui kekuatan dan keberkesanan tetapi juga melalui khidmat kepada negara, agama dan rakyat.

"Dengan menggabungkan wawasan, disiplin, belas kasihan dan ketahanan, para pegawai

kanan tentera Brunei berada dalam kedudukan yang unik untuk mempertahankan kedaulatan negara, menegakkan kestabilan dan memajukan negara ke arah Wawasan Brunei 2035, walaupun berdepan dengan kerumitan landskap global yang sentiasa berubah," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, kemajuan pesat dalam Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) pula memberi peluang untuk perancangan dan pengurusan berasaskan data, yang membolehkan kita menjalankan simulasi senario, meramalkan hasil dan merangka dasar yang lebih berkesan dengan kelajuan yang luar biasa.

Namun, tegas Yang Berhormat, adalah penting agar kita menerima integrasi berkenaan dengan rangka kerja etika yang kukuh, memastikan bahawa kemudahan tidak pernah mengatasi keadilan.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga mengambil

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa berucap pada majlis tersebut.

maklum akan penambahbaikan modul-modul di dalam program dan menyampaikan penghargaan kepada Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP) atas kerjasama kukuh yang berterusan dengan Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, Program EDP berkenaan menjadi lebih daripada sekadar kursus, malah telah menjadi platform untuk merenung kembali, membayangkan semula Perkhidmatan Awam (PA), serta memberi inspirasi kepada kepimpinan yang berprinsip, strategik, dan bersedia



menghadapi masa depan. "Siri Ke-20 EDP adalah merupakan satu mercu tanda usaha ke arah membentuk kepimpinan dan pengurusan dalam PA, dan merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat lagi.

Memupuk budaya pembelajaran, memperkasa pembangunan profesional pegawai kanan

BOLKIAH GARISON, Khamis, 23 Oktober. - Seramai 28 peserta Kursus Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri Ke-20 bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Dalam Dasar Awam dan Pengurusan anjuran Kementerian Pertahanan menerima sijil tamat kursus masing-masing pada Majlis Penutup Program yang berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin

Haji Mohd. Yusoff.

Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Yang Amat Mulia Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta dari negara-negara sahabat yang menyertai; Setiausaha-setiausaha Tetap dari kementerian-kementerian; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB; wakil-wakil dari Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP), Universiti Nasional Singapura; pengarah-pengarah,

pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan dan jemputan-jemputan lain daripada agensi yang berkenaan.

Pengarah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB), Dayangku Dr. Noor Hasharina binti Pengiran Haji Hassan, dalam ucapannya pada majlis berkenaan menyampaikan gambaran keseluruhan mengenai pencapaian program berkenaan serta menekankan semula komitmen institusi untuk memupuk budaya pembelajaran berterusan dan memperkasa pembangunan profesional dalam kalangan pegawai kanan kerajaan.

Ini disusuli dengan ucapan daripada Naib Dekan Hal Ehwal Akademik merangkap Profesor Madya di LKYSPP, Profesor Suzaina Kadir, yang menekankan kepentingan ketelitian akademik dalam menghubungkan kerangka teori dengan pelaksanaan dasar awam secara praktikal.

Mewakili kumpulan peserta, Leftenan Kolonel (U) Pengiran Mohammad Ady Hafiz bin Pengiran Mohammad Yusoff turut berkongsi pengalaman dan pelajaran yang diperoleh sepanjang program selama 14 minggu berkenaan.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga menyampaikan ucapan.

Program EDP berperanan sebagai platform penting bagi diplomasi pertahanan, yang memperkukuh hubungan dua hala serta pembelajaran kolaboratif bersama negara-negara sahabat yang turut serta.

Bagi siri kali ini, para peserta terdiri dari Malaysia, Kesultanan



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Penutup Program yang berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison.

Oman, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Program yang bermula pada 4 Ogos 2025 berkenaan dikendalikan oleh IPPSSHHB dengan kerjasama pakar dan tenaga pengajar dari LKYSPP.

Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan peserta dalam bidang dasar awam, pentadbiran dan pengurusan melalui sesi kuliah serta lawatan ke agensi-agensi kerajaan terpilih di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi

mendalami pemahaman terhadap persekitaran strategik negara, termasuk lawatan pembelajaran ke Republik Singapura bagi pendedahan antarabangsa dalam tadbir urus dan pengurusan strategik.

Sejak pelancarannya pada 2004, EDP telah melahirkan seramai 505 graduan yang terdiri daripada pegawai kanan daripada pelbagai sektor kerajaan, yang terus menyumbang kepada pentadbiran awam dan kecemerlangan kepimpinan di NBD.



ANTARA yang hadir pada Majlis Penutup Program Kursus Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri Ke-20 bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Dalam Dasar Awam dan Pengurusan.

كەنتەرىن كەسەتەن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Penyebab bagi:

1 dalam 5 kanser lelaki
1 dalam 10 kanser wanita

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:
<https://moh.gov.bn/>

233 PESARA AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA SIJIL PENGHARGAAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Penyampaian Sijil kepada pesara-pesara awam dan



penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) yang berlangsung di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, hari ini.

Seramai 233 orang pesara awam Kementerian Pertahanan yang bersara pada tahun 2022, 2023 dan 2024 telah menerima sijil penghargaan dan cenderamata, diikuti dengan penyampaian sijil kepada tiga orang penerima APCPA bagi Tahun 2024 dan 2025, yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Bahagian II, III, IV dan V.

Penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Penyampaian Sijil kepada pesara-pesara awam dan penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) yang berlangsung di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (atas kiri dan atas). Sementara gambar bawah kiri, ucapan daripada Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan.

Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Guru Ugama dari Jabatanarah Agama ABDB

(JAMA'AT), Awang Muhd. Nur Amin bin Haji Jali diikuti dengan penyampaian Tadabbur Al-Quran oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II JAMA'AT, Awang Haji Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari.

Majlis diikuti dengan ucapan daripada Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Dayang Poh Kui Choon diikuti ucapan daripada wakil pesara, Pengiran Haji Zulkipli bin Pengiran Haji Salleh.

Penyampaian sijil dan cenderamata kemudiannya disempurnakan oleh tetamu

kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis diadakan bagi menghargai jasa dan khidmat bakti para pesara kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya di Kementerian Pertahanan serta sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian II, III dan IV.

Utamakan penjagaan kesihatan asasi, perkukuh kesiapsiagaan hadapi kecemasan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

REPUBLIK KEPULAUAN FIJI, Khamis, 23 Oktober. - Menteri-menteri Kesihatan dan para perwakilan dari 38 negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) Rantau Pasifik Barat (Western Pacific Region, WPR) kini berada di Nadi, Republik Kepulauan Fiji bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Serantau bagi Rantau Pasifik Barat Ke-76 (76th Regional Committee Meeting for the Western Pacific Region - WPR) yang berlangsung pada 20 hingga 24 Oktober 2025.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dengan disertai oleh beberapa Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat kali ke-76 ini dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan dan Perkhidmatan Perubatan, Republik Kepulauan Fiji, Yang Berhormat Dr. Ratu Atonio Rabici Lalabalavu dan membincangkan isu-isu kesihatan semasa, dasar-dasar, program-program dan hala tuju masa depan WHO bagi WPR termasuk penelitian laporan Pengarah Serantau Pejabat WPR peruntukan program dan pelaksanaan projek-projek, pemantauan perkembangan isu-isu kesihatan dan projek-projek mengikut keutamaan serta penyelarasan kerja-kerja yang dijalankan di

rantau ini.

Pada mesyuarat ke-76 pada tahun ini, isu-isu teknikal yang diketengahkan antara lain membincangkan mengenai peralihan penjagaan kesihatan mental untuk menangani cabaran global; perubahan iklim dan keselamatan serta kedayatahan sistem kesihatan, melaksanakan pindaan peraturan kesihatan antarabangsa (International Health Regulations - IHR) (2005), kesihatan oral, dan kawalan alkohol.

Selain itu, isu dasar, pentadbiran dan pelaksanaan tugas WHO, serta penelitian laporan pelaksanaan peruntukan program tahun 2024-2025 dan peruntukan program tahun 2026-2027 juga dibentangkan di samping laporan kemajuan bagi program-program teknikal yang lain.

Semasa mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, di dalam mengulas laporan Pengarah Serantau Pejabat WPR telah pun mengalu-alukan pendekatan inovatif Laporan Pengarah Serantau WPR bagi 2024-2025, khususnya pengenalan penunjuk khusus setiap negara, yang mana membolehkan setiap negara menanda aras kemajuan kesihatan sendiri, belajar daripada negara ahli serantau dan mengenal pasti di mana WHO boleh mendukung usaha setiap negara.

Seterusnya, NBD mengalu-alukan visi Pengarah Serantau 'Weaving health for families, communities and societies in the Western Pacific Region (2025-2029)', yang mana, liputan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Jawatankuasa Serantau bagi Rantau Pasifik Barat Ke-76 yang berlangsung pada 20 hingga 24 Oktober 2025.

kesihatan sejagat (*universal health coverage*) adalah asas sistem pemberian kesihatan, dengan mengutamakan pengukuhan penjagaan kesihatan asasi, pemantauan serta kesiapsiagaan bagi kecemasan kesihatan awam agar perkhidmatan kesihatan adalah berdayatahan di dalam menghadapi mana-mana kecemasan seperti wabak penyakit dan perubahan iklim.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyuarakan komitmen negara berkaitan Perjanjian Pandemik yang telah pun dipersetujui semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia pada tahun ini termasuk perbincangan lanjut mengenai lampiran Akses Patogen dan Perkongsian Faedah (Pathogen Access and Benefit-Sharing

Annex) dan tindakan-tindakan kepada pindaan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (*amendments to the International Health Regulations*), ke arah kesiapsiagaan yang lebih kukuh dan kapasiti tindak balas yang lebih saksama di seluruh rantau Pasifik Barat.

Seterusnya, kerjasama di peringkat multisektoral juga turut diperkukuhkan dalam menangani perkara-perkara seperti isu kekebalan antimikrobial dan zoonosis, memajukan pemakanan dan pencegahan penyakit tidak berjangkit dengan tumpuan khusus pada seribu (1,000) hari pertama kehidupan melalui Penyediaan Pelan Strategik Pemakanan Ibu, Anak Damit dan Remaja (2025-2030); dan peningkatan kedayatahan sistem makmal

kesihatan.

Selain itu, negara juga memanfaatkan teknologi kesihatan digital melalui aplikasi BruHealth 5.0 untuk memperkasakan setiap individu, memperkukuhkan pengawasan dan menyepadukan penjagaan kesihatan preventif.

Semasa berada di Republik Kepulauan Fiji, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Dr. Ratu Atonio Rabici Lalabalavu, serta Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Yang Berhormat Budi Gunadi Sadikin, bagi membincangkan dan bertukar pandangan mengenai perkembangan sektor kesihatan di negara masing-masing serta isu-isu kesihatan serantau.

897 GRADUAN POLITEKNIK BRUNEI DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan sijil kepada penerima bagi sesi pagi pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) Ke-11, Tahun 2025 (atas). Sementara gambar bawah, ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman.



BERAKAS, Khamis, 23 Oktober. - Seramai 897 orang graduan terdiri daripada 416 graduan lelaki dan 481 orang graduan perempuan menerima sijil Diploma Tahap 5 masing-masing pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) Ke-11, Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 184 graduan menerima sijil-sijil Diploma Tahap 5 bagi Program Perniagaan, 172 bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi, 210 bagi Program Sains dan Kejuruteraan, 156 bagi Program Sains Kesihatan dan 175 graduan dari Diploma Tahap 5 di bawah Program Petrokimia.

Pelajar-pelajar tersebut telah pun menamatkan program pengajian masing-masing selama 2.5 tahun yang telah ditawarkan oleh sekolah-sekolah di bawah Politeknik Brunei iaitu Sekolah Perdagangan, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Sekolah Sains Kesihatan dan kohort graduan yang pertama daripada Sekolah Petrokimia.



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran dan inti sari ayat pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kanan, terukir senyuman pada wajah para graduan setelah menerima sijil masing-masing.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) menyampaikan sijil kepada penerima bagi sesi petang (atas), manakala gambar bawah, antara graduan yang diraikan.



"Pengenalan program-program ini bertujuan untuk memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah serta membekalkan pelajar dengan kemahiran khusus yang relevan kepada sektor utama di negara ini dan serantau.

"Dengan menawarkan diploma baharu ini, PB akan menyediakan laluan pembelajaran yang lebih pelbagai yang selaras dengan trend pasaran semasa dan kemajuan teknologi," ujar beliau lagi.

Tambahnya, inisiatif ini dijangka dapat meningkatkan kebolehpasaran dan kesiapsiagaan kerjaya graduan dengan mendedahkan mereka kepada ilmu praktikal dan kepakaran yang berkaitan dengan industri.

Selain itu, program-program berkenaan juga akan menyokong matlamat pembangunan ekonomi

negara dengan melatih tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berupaya menyumbang secara berkesan dalam bidang kejuruteraan loji, inovasi digital, serta sektor perniagaan dan pelancongan yang dinamik, jelas beliau.

Oleh itu, terang beliau, pelajar yang memohon ke PB akan mendapat manfaat daripada kualiti pendidikan yang dipertingkatkan dan peluang yang lebih luas untuk mendapatkan pekerjaan yang bermakna selepas tamat pengajian.

Acara kemuncak Majlis Konvokesyen PB Ke-11 pada pagi berkenaan ialah penyampaian sijil-sijil oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada seramai 394 graduan yang mengikut program-program Diploma Tahap 5 dalam Perakaunan Perniagaan dan

Kewangan; Pengajian Perniagaan; Pengajian Perniagaan (Keusahawanan); Pengajian Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia); Pengajian Perniagaan (Pemasaran); Seni Bina; Reka Bentuk Dalaman; Kejuruteraan Awam; Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik; Kejuruteraan Mekanikal; Kejuruteraan Petroleum; dan Kejuruteraan Telekomunikasi dan Sistem.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong, Awang Ahmad Khairulanam@Muhammad Hidayatil Wafi bin Haji Abdullah.

Sementara itu, sesi petang pula menyaksikan seramai 503 lagi graduan menerima sijil Diploma Tahap 5 masing-masing.

Para graduan terdiri daripada lepasan pelbagai bidang pengajian di peringkat Diploma Tahap 5 termasuk dari Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang merangkumi bidang Media Digital, Sistem Maklumat, Rangkaian Teknologi Maklumat, Pembangunan Web dan Data Analitik serta Sekolah Sains Kesihatan yang meliputi bidang Kebersihan dan Terapi Gigi; Perbidanan, Kejururawatan dan Paramedik.

Selain itu, para graduan turut terdiri daripada lepasan Sekolah Petrokimia yang berkelulusan dalam bidang Kejuruteraan Kimia, Teknologi Peralatan Kimia, Teknologi Rawatan Air, Teknologi Loji Tenaga dan Sistem Tenaga; Teknologi Penyimpanan dan Pengangkutan; Teknologi Loji Kuasa Terma dan Teknologi Makmal.

Penyampaian penganugerahan sijil kepada para graduan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dimulakan dengan perarakan graduan masuk ke dewan dan perarakan besar masuk ke dewan Ahli-ahli Majlis Lembaga Pengelola dan Ahli-ahli Senat.

Majlis sesi petang diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Universiti Brunei Darussalam, Awang Muhammad Wafiy bin Awang Mohammad.

Seperti Majlis Konvokesyen yang sebelumnya, Majlis Konvokesyen Ke-11 PB akan mengadakan Majlis Anugerah Pelajar bagi graduan-graduan yang terpilih di dalam majlis berasingan. Majlis Anugerah Pelajar Politeknik Brunei akan diadakan pada sebelah petang Selasa, 28 Oktober 2025, di The Centrepont Hotel, Gadong.

Anugerah-anugerah yang akan disampaikan pada majlis tersebut ialah Best Student Award; Academic Excellence Award; Enrichment Activities Excellence Award; Innovation Award; dan Chinese Ambassador Award yang ditaja oleh Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam.

Untuk memudahkan orang ramai, khususnya ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga graduan, PB telah menyediakan satu platform khas untuk menyiarkan majlis ini secara langsung melalui *live streaming* di saluran YouTube rasmi PB dan Instagram *live @politeknikbrunei*.



MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada rombongan Mufti Besar Darul Ifta Wilayah 9 dan Palawan, Filipina.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Oktober. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat daripada

rombongan Mufti Besar Darul Ifta Wilayah 9 dan Palawan, Filipina. Kunjungan tersebut berlangsung di Pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Termasuk dalam kunjungan tersebut ialah Farrell Hazsan E. Usman, pegawai dari Ministry of Finance and Budget and Management Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao; Alameda Hajim M. Andong dan Pensyarah Mindanao State University, Dr.

TATACARA MENDAFTAR PROFIL PSCR 2.0

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

01

Layari laman sesawang PSCR 2.0 di WWW.RECRUITMENT.GOV.BN dan klik LOG MASUK

02

Log masuk menggunakan akaun e-darussalam

03

Cipta PSC TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik SIMPAN

04

Klik Dashboard Saya dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

Anwar M. Radiamoda.

Rombongan tersebut berada di negara ini dalam rangka menghadiri Syariah Advisory

Forum(SAF) 2025 anjuran Institut Kepimpinan dan Kewangan Islam Brunei (BILIF) yang berlangsung pada 22 Oktober 2025.

Aplikasikan elemen bersedekah dalam jiwa anak-anak



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar atas, tiga ahli panel pada Forum Majlis Ilmu 2025 bagi Daerah Temburong.

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Khamis, 23 Oktober. - Forum bertajuk 'Dari Hati ke Hati : Menanam Budaya Memberi Dalam Jiwa Anak Muda Kitani' mengetengahkan bahawa bersedekah sama ada dengan wang ringgit atau sebagainya merupakan amalan mulia yang memberi keuntungan kepada orang yang mengeluarkannya dan orang yang menerimanya.

Orang yang bersedekah mendapat balasan pahala, sementara bagi orang yang menerimanya pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidupnya. Secara kritisnya, *what you give, you get back*.

Forum Majlis Ilmu 2025 bagi Daerah Temburong bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar berkenaan menyimpulkan, harta yang disedekahkan bukannya berkurangan, malahan Allah Subhanahu Wata'ala akan menggantikan dan menambah hartanya dengan berlipat kali ganda.

Inti pati forum juga membahaskan, melalui amalan sedekah dapat melatih jiwa seseorang itu untuk menjadi orang yang belas kasihan, berkasih sayang, jauh daripada sifat pentingkan diri sendiri dan sebagainya.

Bersedekah juga adalah salah satu cara membelanjakan harta

pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana tujuan seseorang bersedekah itu adalah atas dasar untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hal yang berkaitan, sedekah juga bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit dan harta benda semata-mata. Malah ruang lingkungannya lebih meluas termasuklah daripada aspek bantuan seperti khidmat masyarakat dan penglibatan dalam kesukarelawanan.

Lebih-lebih dalam hasrat kita memupuk anak-anak serta para belia dan remaja untuk mengaplikasikan elemen sedekah dalam jiwa mereka. Tidak dapat tidak, ia memerlukan didikan luhur yang bermula dari rumah, sejak dari kecil lagi dengan sokongan para ibu bapa dan keluarga.

Justeru itu, tajuk forum berkenaan juga dihasrat untuk memupuk sifat pemurah dan memberi dalam kalangan keluarga dan masyarakat. Para ahli panel

menggariskan bahawa amalan bersedekah dan bermurah hati ini dapat dipupuk bermula daripada pendidikan di rumah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Seminar Majlis Ilmu 2025; dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Tiga ahli panel forum terdiri daripada Kaunselor Pelawat, UNISSA dan Penolong Profesor Adjung, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor; Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak; dan Pegawai

Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Irtawati binti Haji Mahir.

Manakala moderator forum ialah Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Awang Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa.

Forum berkenaan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih kurang 400 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk pegawai kerajaan, belia, ahli akademik dan masyarakat setempat.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan, para jemputan khas; penghulu mukim, ketua kampung, Majlis Perundingan Kampung, belia-belia masjid, Muslimah, pihak swasta, pensyarah-pensyarah serta penuntut-penuntut dari Institut Pengajian Tinggi.

UNN SERAH SUMBANGAN KEPADA SMARTER BRUNEI



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi yang juga merangkap Pengerusi UNN hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Oktober. - Dalam usaha menyokong pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang berdedikasi untuk membantu individu autisme, Unified National Networks (UNN) hari ini telah menyerahkan dua buah kenderaan Gran Max pada majlis yang berlangsung di Pusat SMARTER BACA, Sungai Hanching.

Hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin

Haji Abdul Hamid yang juga merangkap Pengerusi UNN.

Hadir sama, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Chris Phan; Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang serta Ahli-ahli Pasukan Pengurusan Kanan UNN.

Pada majlis tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi turut merasmikan papan tanda baharu yang telah dipasang di pusat tersebut bersama Presiden SMARTER Brunei.

Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri menyatakan bahawa penghargaan kepada UNN

atas sumbangan yang datang tepat pada masanya.

Beliau menjelaskan bahawa banyak van yang digunakan untuk membawa pelajar telah rosak, sementara kekurangan dana menghalang pemasangan papan tanda serta pembelian perabot bagi pejabat dan bilik darjah. Cabaran ini menjejaskan kualiti dan kesinambungan program SMARTER.

Sumbangan UNN akan dapat membantu mengatasi keperluan mendesak tersebut, membolehkan organisasi itu mengekalkan program dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyokong.

Kerjasama ini, katanya, membuktikan bahawa usaha bersama dapat membawa perubahan nyata kepada individu autistik dan keluarga mereka di negara ini.

UNN mengiktiraf kepentingan menyokong organisasi seperti SMARTER Brunei dalam mengatasi cabaran kewangan dan sosial.

Melalui pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) seperti Ramadan Charity Drive (RCD), Belia Pintar Siber, Core Value Program dan Health & Wellness Program, UNN terus memanfaatkan sumber serta kepakarannya untuk membantu

organisasi seperti SMARTER Brunei memperluas capaian, melaksanakan penyelesaian inovatif dan mencapai impak yang lebih besar.

SMARTER Brunei, sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang mengendalikan program dan perkhidmatan berkaitan autisme di Negara Brunei Darussalam melalui tiga pusatnya iaitu Pusat SMARTER BACA, Pusat SMARTER EDGE (Bandar Seri Begawan) dan Pusat SMARTER EDGE (Kuala Belait), yang telah menyediakan pendidikan khas, latihan dan sokongan kepada individu dengan autisme sejak tahun 2001.

Mengukuhkan kedudukan NBD sebagai peneraju pengeluaran metanol

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Methanol Company

JERUDONG, Jumaat, 24 Oktober. - Forum Metanol Mampan dengan tema 'Membentuk Masa Depan Tenaga Bersih Melalui Metanol Lestari' yang telah diadakan baru-baru ini bersempena dengan 15 tahun operasi komersial Brunei Methanol Company (BMC) yang telah menghimpunkan para pemimpin industri, agensi kerajaan dan ahli akademik untuk membincangkan peranan penting metanol dalam memajukan peralihan tenaga dan usaha kepelbagaian ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) sejajar dengan keutamaan pembangunan negara di bawah Brunei Darussalam's Economic Blueprint dan visi jangka panjang Wawasan Brunei 2035.

Hadir selaku tetamu khas pada forum yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei berkenaan, Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Yang Mulia dalam ucapamannya, menekankan matlamat negara untuk pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan mampan serta pembangunan sosial yang meluas. Jabatan Tenaga di JPM kekal komited dalam membangunkan industri hiliran yang berdaya saing sebagai sebahagian daripada strategi kepelbagaian ekonominya, sambil memperkukuh daya tahan dan kapasiti rakyat NBD untuk masa depan.

Industri metanol, kata Yang Mulia, menandakan lonjakan

inovatif NBD dalam pengembangan hiliran minyak dan gas, dengan menyatakan bahawa penubuhan syarikat BMC pada 2006 menandakan satu kejayaan dalam peralihan daripada minyak dan gas konvensional kepada produk bernilai lebih tinggi, menjadikan NBD sebagai pesaing serantau dalam sektor metanol.

BMC, tambah Yang Mulia telah mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan kepakaran tempatan, dan membolehkan pemindahan tenaga dan teknologi, mengukuhkan kedudukan NBD sebagai peneraju serantau dalam pengeluaran metanol dan menunjukkan lonjakan inovatif negara dalam pengembangan minyak dan gas hiliran.

"Usaha ke arah kemampanan dan inovasi diiktiraf oleh peralihan tenaga berterusan NBD dan usaha untuk meningkatkan bahagian tenaga boleh diperbaharui, terutamanya tenaga solar dalam tamruman tenaga negara. Industri metanol kekal sebagai bahagian penting dalam transformasi berkenaan, menggabungkan tenaga boleh diperbaharui dan bahan mentah yang diperoleh secara bertanggungjawab untuk menghasilkan metanol rendah karbon, sejajar dengan ekonomi kitaran global.

"Kemajuan sedemikian akan membolehkan NBD memenuhi permintaan antarabangsa yang semakin meningkat untuk produk mesra alam, termasuk bahan api marin rendah karbon dan sumber bahan kimia mampan," ujar Yang Mulia lagi.

Sementara itu, Ketua Pegawai



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu khas pada forum yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Eksekutif BMC, Jesus Enrique Mora Marin menekankan bahawa metanol merupakan penyelesaian tenaga hijau masa hadapan memandangkan BMC telah pun mengeksport metanol ke seluruh Asia untuk kegunaan konvensional, sekali gus meletakkan NBD sebagai pembekal serantau yang diiktiraf bagi komoditi kimia penting berkenaan. Komitmen NBD terhadap Wawasan Brunei 2035 dan Rangka Tindakan Ekonomi Brunei Darussalam menjadi panduan dalam peralihan ke arah tenaga yang lebih bersih.

Jelasnya, cabaran utama yang dikenal pasti ialah mengurangkan pelepasan gas Rumah Hijau daripada pengeluaran metanol. Walaupun BMC kini menggunakan gas asli, bahan mentah sebenar

untuk metanol ialah karbon dioksida dan hidrogen, yang bermaksud karbon dioksida yang ditangkap boleh digunakan semula sebagai bahan mentah. Ini meletakkan pengeluaran metanol sebagai laluan ideal untuk menukar sisa karbon dioksida menjadi produk yang berharga dan membantu NBD mengurangkan jejak karbonnya.

Jesus Enrique Mora Marin juga membincangkan peranan hidrogen dalam masa depan tenaga hijau, dengan menyatakan bahawa walaupun hidrogen boleh dihasilkan melalui elektrolisis, ia sukar untuk diangkut. Metanol dan ammonia pula menyediakan pembawa hidrogen yang praktikal dan stabil, dan bentuk cecair metanol serta tekanan wap yang rendah menjadikannya amat

sesuai untuk penghantaran global tanpa pengubahsuaian besar pada infrastruktur sedia ada. Ini menjadikan metanol sebagai medium yang berpotensi untuk memindahkan hidrogen ke pasaran masa hadapan.

Forum turut diisi dengan beberapa pembentangan, antaranya 'Driving Economic Diversification Through Methanol' yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah, Bahagian Dasar dan Strategi Tenaga, Jabatan Tenaga di JPM, Dayang Noor Dina Zharina binti Haji Yahya dan juga 'Brunei Darussalam's Role in the Circular Methanol Economy' yang dibentangkan oleh Pegawai Eksekutif Mitsubishi Gas Chemical Company (MGC), Pengarah Bahagian Kimia C1, Masahiko Naito.

JERAYAWARA BADUDUN BERSAMA BISKITA BERKUNJUNG KE DAERAH TUTONG



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir pada sesi tersebut (atas dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, Jerayawara Badudun Bersama Biskita kali ini ke Daerah Tutong bagi memberi kefahaman dan mempromosikan produk dan perkhidmatan RTB kepada orang ramai.

TUTONG, Rabu, 22 Oktober. - Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) meneruskan lagi Jerayawara Badudun Bersama Biskita kali ini ke Daerah Tutong bagi memberi kefahaman dan mempromosikan produk dan perkhidmatan RTB kepada orang ramai.

Program jerayawara yang mengambil tempat di Dewan Seri Kenangan, itu dimulakan dengan sesi taklimat dan soal jawab bagi memberi peluang kepada para hadirin untuk mengongsikan pandangan serta mendapatkan penjelasan lanjut khususnya mengenai perkembangan siaran dan rancangan-rancangan RTB.

Melalui taklimat yang

disampaikan, para jemputan dan orang ramai yang hadir di jerayawara berkenaan telah diberikan penjelasan yang informatif mengenai dengan peranan utama RTB dan perkembangan RTBGo, perkembangan rancangan TV, perkembangan rancangan radio serta perkhidmatan pemancaran TV dan Radio.

Hadir pada sesi tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Turut hadir ialah Pemangku

Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; pegawai-pegawai kanan, para pegawai serta kakitangan Jabatan Daerah Tutong dan RTB; ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan; penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Mewakili RTB semasa sesi soal jawab ialah Penerbit Kanan Bahagian Rancangan TV, Pengiran Mohd. Khairul Amali bin Pengiran Haji Mohd. Roslin; Penerbit Kanan Bahagian Rancangan Radio, Dayang Nur Hazirah binti Abang Muhammad Ali; dan Jurutera, Awang Muhammad Amirul Khaliddin bin Kamaluddin.

Beberapa aktiviti sampingan juga diadakan sepanjang jerayawara, iaitu galeri pameran dari Bahagian Pentadbiran, Bahagian Rancangan TV, Bahagian Rancangan Radio, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan dan Bahagian Pemasaran dan Promosi dan Perkhidmatan RTBGo.

Selain itu, jerayawara juga dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pencarian bakat, penjualan *merchandise* RTB, kahoot, permainan interaktif, kajian maklum balas, kuiz, 'talent scouting', penjualan Majlis Perundingan Kampung, jualan aneka makanan dan minuman dan acara-acara pentas seperti Tundang Badudun, Tayangan Santai, Persembahan Copa Cabana dan Cabutan Bertuah.

Program Badudun Bersama Biskita di Dewan Seri Kenangan, Daerah Tutong ini disokong oleh Intracorp (B) Sdn. Bhd., Cuckoo, Indofood, A-Conkleen, A-Carkleen dan Coffee Bean & Tea Leaf.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



NBD sertai Cyber SEA Game 2025



NEGARA Brunei Darussalam baru-baru ini menyertai Cyber SEA Game 2025 (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Keselamatan Siber Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini menyertai Cyber SEA Game 2025, sebuah pertandingan keselamatan siber berprestij di peringkat serantau yang menghimpunkan bakat-bakat terbaik dari seluruh Asia Tenggara bagi memperkuat kerjasama serantau serta keupayaan pertahanan siber.

Cyber SEA Game 2025, yang berlangsung dari 16 hingga 17 Oktober 2025 di Bangkok,

Thailand, merupakan pertandingan tahunan Capture-the-Flag (CTF) yang dianjurkan oleh ASEAN-Japan Cybersecurity Capacity Building Centre (AJCCBC).

Delegasi NBD ke pertandingan tersebut diwakili oleh empat orang Ahli Persatuan Keselamatan Siber Brunei (Brunei Cyber Security Association - BCSA) merangkumi ahli-ahli daripada industri tempatan dan institusi pengajian tinggi termasuk wakil dari ITPSS Sdn. Bhd., Datastream Digital Sdn. Bhd.

(DST), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Penyertaan ini mencerminkan komitmen berterusan negara dalam melahirkan bakat muda dalam bidang keselamatan siber serta memperkuat kepakaran nasional dalam bidang kritikal ini.

Pertandingan ini menghimpunkan peserta dari Negara-negara Anggota ASEAN bagi menyelesaikan pelbagai cabaran teknikal kompleks dalam bidang seperti keselamatan rangkaian, kriptografi, forensik digital, kejuruteraan songsang



(reverse engineering) dan tindak balas insiden.

Acara ini bertujuan untuk membina serta memperkuat keupayaan keselamatan siber di seluruh rantau ASEAN, mempromosikan perkongsian ilmu, serta mengiktiraf bakat-bakat siber yang sedang meningkat.

Peserta cemerlang daripada pertandingan ini juga berpeluang dipilih untuk mewakili rantau ini sebagai Pasukan ASEAN dalam Pertandingan Keselamatan Siber Antarabangsa 2025 (International Cybersecurity Challenge 2025) yang akan diadakan di Tokyo, Jepun, dari 11 hingga 14 November 2025.

Tiga pasukan teratas tahun ini

ialah Republik Sosialis Viet Nam di tempat pertama, diikuti Republik Singapura di tempat kedua dan Republik Indonesia di tempat ketiga.

BCSA mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada delegasi NBD atas usaha gigih dan penyertaan aktif mereka, serta kepada semua pasukan yang berjaya atas pencapaian cemerlang masing-masing.

Keputusan pertandingan ini menyerlahkan kepakaran yang semakin berkembang, kerjasama erat, dan komitmen bersama Negara-negara Anggota ASEAN dalam memperkuat ketahanan dan pembangunan keupayaan siber serantau.

Simposium PSB telusuri warisan sejarah tamadun Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Oktober. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi dan Bahagian Pengkajian Borneo (*penBORNEO*) menganjurkan Program Simposium Sejarah Ketamadunan Islam Di Nusantara yang bertemakan 'Tinggalan Sejarah Sumber Ketamadunan Islam Nusantara' berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis pada simposium ini ialah Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengetua PSB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, yang juga menyampaikan ucapata pada majlis berkenaan; Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Muhammad Faisal bin Haji Mat Salleh selaku Pengerusi Majlis dan jemputan-jemputan khas lainnya.

Sebanyak sembilan kertas kerja disampaikan dalam simposium berkenaan iaitu enam kertas kerja dibentangkan pada sesi sebelah pagi iaitu 'Kesultanan Awal Brunei: Penegak Ketamadunan Islam di Negara Brunei Darussalam'; 'Mengimbu Sejarah Batu Bersurat dan Tamadun Islam Terengganu: Apa Relevansi kepada Umat Kini'; 'Sumbangan Ulama Melayu terhadap Tamadun Islam: Manuskrip dari Perpustakaan Makkah dan Masjidil Haram Sebagai Contoh'; 'Alam Melayu



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan hadir selaku tetamu khas pada simposium berkenaan.

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Menurut Catatan Sumber Historiografi Arab'; 'Narratives of Power in Malay World: Sultan Iskandar Muda in the Hikayat Aceh with Reflections from Brunei Manuscripts'; 'UnisZA ke Arah Kebangsaan Digital Manuskrip Melayu: Satu Pengalaman'.

Manakala tiga kertas kerja dibentangkan pada sesi sebelah petang iaitu 'Membaca Batu, Menjaga Warisan: Epigrafi dan Pemuliharaan Batu Nisan Bersejarah di Negara Brunei Darussalam'; 'Penemuan Makam Sebagai Saksi Sejarah Abad 15 Hingga 19: Perjuangan Kesultanan

Brunei dalam Dakwah Islamiah di Borneo'; dan 'Bukti Arkeologi: Kota Batu Sebagai Pusat Pemerintahan Islam'.

Program diadakan bertujuan untuk menghimpunkan para ilmuwan yang mempunyai kepakaran daripada pelbagai bidang ketamadunan Islam di rantau nusantara ini.

Manakala fokus utama simposium ini adalah untuk menelusuri dan membincangkan tinggalkan warisan sejarah yang berkaitan dalam perkembangan tamadun Islam di rantau ini antaranya Batu Tarsilah, Batu



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan ucapata.

Bersurat, batu nisan bersejarah, stupa, artifak serta manuskrip-manuskrip lama.

Manakala objektif simposium ini pula adalah untuk menyebarluaskan lagi kepakaran para pembentang atau pakar bagi mengongsikan hasil penemuan dan penyelidikan kepakaran masing-masing kepada generasi muda dan masyarakat umum amnya.

Di samping itu ia juga adalah untuk meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan penghayatan kepada para penyelidik, pengkaji sejarah, golongan generasi muda dalam menghargai nilai-nilai kepentingan persejarah, warisan dan budaya melalui amalan terbaik dalam pengkajian sejarah. Ia juga dapat

mewujud dan memantapkan lagi jaringan kerjasama dengan rakan strategik dan pakar dari dalam dan luar negara.

Dalam masa yang sama ia juga dihasratkan akan dapat meningkat dan mempelbagaikan hasil terbitan PSB.

Diharapkan agar hasil daripada penemuan pengkajian dan penyelidikan dalam simposium ini akan dapat dijadikan sebagai ilmu pengetahuan dan pembelajaran kepada para pegawai dan kakitangan PSB serta institusi-institusi berkaitan sekali gus kepada pelajar, penyelidik sejarah terutama dalam kalangan generasi muda belia.

Penemuan-penemuan terbaharu dalam bidang-bidang berkaitan diharapkan akan dapat diaplikasi semasa pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah dan warisan budaya bangsa yang lazim dilaksanakan oleh PSB serta institusi-institusi berkaitan.



ANTARA yang membuat pembentangan.

CUNGKIL BAKAT MURID DALAM BIDANG AL-QURAN, IQRA

KOTA BATU, Jumaat, 24 Oktober. - Dengan tujuan untuk memberikan galakkan dan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti Program Mempelajari Al-Quran di Masjid Sungai Bunga, pagi tadi

telah diadakan Majlis Pertandingan Membaca dan Menghafal Al-Quran dan Iqra.

Pertandingan yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Bunga dibukakan kepada para pelajar yang mengikuti program membaca

Al-Quran di masjid tersebut pada setiap Jumaat.

Pertandingan dianjurkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan Guru-guru Pengajar Al-Quran Masjid Kampung Sungai Bunga, Perumahan Kampung Sungai Bunga.

Pertandingan yang merupakan acara tahunan juga bertujuan untuk membiasakan diri para pelajar untuk tampil ke hadapan mempersembahkan bacaan mereka di hadapan orang ramai.

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

Selain itu, pertandingan tersebut merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh masjid berkenaan dalam mencungkil bakat dalam kalangan murid dalam bidang Al-Quran dan Iqra.

Program Pembelajaran Al-Quran dan Iqra di Masjid Kampung Sungai Bunga telah berjalan selama 10 bulan.

Hadir untuk menyampaikan hadiah kepada para

pemenang ialah Ketua Kampung Pulau Baru-Baru dan Sungai Bunga Tanjung Kindana, Awang Zaini bin Haji Salleh.

Sebanyak empat kategori dipertandingkan termasuk Kategori Kelas Muqaddam, Kategori Juzuk 2 (Ayat 154 hingga 158); Kategori Juzuk 2 (ayat 197 hingga 198) dan Kategori Ibu Bapa dan Penjaga pelajar.



KETUA Kampung Pulau Baru-Baru dan Sungai Bunga Tanjung Kindana, Awang Zaini bin Haji Salleh hadir untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Buli Terhadap Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 29 Oktober 2025
2. 'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'. Tarikh Tutup : 5 November 2025
3. 'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 November 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP



RAHSIA KETENANGAN JIWA

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 2 JAMADILAWAL 1447H / 24 OKTOBER 2025M

ANTARA PUNCA UTAMA TEKATAN PERASAAN YANG MELANDA MANUSIA HARI INI IALAH APABILA HATI SEMAKIN JAUH DARIPADA MENGINGATI ALLAH S.W.T DAN KURANGNYA MENGHAYATI AJARAN AGAMA

LALAI DENGAN DUNIA



Terlalu sibuk memenuhi kehendak dunia dan nafsu semata-mata sehingga mengabaikan keperluan rohani yang menjadi sumber ketenangan dan kebahagiaan sebenar



PANDUAN YANG SANGAT BERKESAN DALAM MERAWAT PENYAKIT JIWA ATAU TEKATAN PERASAAN

- Membanyakkan zikrullah iaitu mengingati Allah S.W.T
- Melaksanakan segala perintah Allah S.W.T
- Mensucikan jiwa iaitu dengan cara menjauhi diri daripada segala perbuatan dosa dan maksiat

ANTARA DOA YANG DIAJARKAN OLEH RASULULLAH S.A.W UNTUK DIAMALKAN KETIKA HATI, JIWA, FIKIRAN TIDAK TENANG DAN KACAU:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ نَفْسًا مُّطْمَئِنَّةً، تُؤْمِنُ بِلِقَائِكَ،
وَتَرْضَى بِقَضَائِكَ، وَتَقْنَعُ بِعَطَائِكَ

Maksudnya: Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Engkau jiwa yang tenang, beriman dengan Hari Pertemuan dengan Engkau, dan redha dengan ketentuan Engkau dan cukup dengan kurniaan Engkau

KITA JUGA BOLEH MENGAMALKAN DOA BAGI MELINDUNGI DIRI DARI PERASAAN DAN HATI KELUH KESAH DAN TIDAK TENANG, IAITU:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ
مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ
وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari kedukaan dan kesedihan dan aku berlindung kepada Engkau dari sifat lemah dan malas dan aku berlindung kepada Engkau dari sifat pengecut dan bakhil dan aku berlindung kepada Engkau dari bebanan hutang dan penindasan manusia." (Hadis riwayat Abu Daud)

TEROKA KEPELBAGAIAN BUDAYA, TINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR



DELEGASI daripada Pusat Pertukaran Belia Korea di bawah Program Jangkauan Belia Antarabangsa anjuran Agensi Kerja Belia (KYWA) mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 23 Oktober. - Delegasi daripada Pusat Pertukaran Belia Korea di bawah Program Jangkauan Belia Antarabangsa anjuran Agensi Kerja Belia (KYWA) pagi tadi mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (SM YSHHB).

Antara yang hadir ialah Timbalan Pengarah Urusan dan Pemangku

Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB,
Awang Haji Abdullah@Dollah bin
Haji Ahad.

Dalam ucapan alu-aluan, Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin menjelaskan aktiviti tersebut bukan sahaja permulaan bagi sesebuah program, malah ia adalah permulaan untuk menjalinkan persahabatan, berkongsi pengalaman dan

pertukaran budaya.

SM YSHHB terpilih sebagai salah sebuah daripada dua buah sekolah di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dikunjungi oleh delegasi tersebut. Semasa kunjungan, para delegasi KYWA menawarkan pengalaman bermakna yang menggalakkan pembelajaran rentas budaya serta pembangunan kepimpinan.

Pelajar-pelajar yang terlibat

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



PROGRAM tersebut adalah untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada belia Negara Brunei Darussalam selanjutnya mewujudkan peluang bagi penglibatan dan penyertaan aktif belia negara.

adalah daripada Tahun 10Sc1 dan 10Sc2.

Semasa program dijalankan di Perpustakaan SM YSHHB, para pelajar berpeluang mengikuti beberapa aktiviti termasuk K-Culture Yutonori dan permainan tradisional Korea.

Sejak penubuhannya pada tahun 2008, Pusat Pertukaran Belia Korea secara aktif menjalankan pelbagai program pertukaran antarabangsa. Inisiatif-inisiatif ini direka untuk memberikan peluang kepada golongan muda untuk memperluaskan pandangan mereka, menerokai pelbagai budaya, serta membangunkan

kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pemimpin global masa depan.

Selain itu, program juga bertujuan untuk memupuk pertukaran budaya serta persefahaman antara belia Korea dan NBD seterusnya mengukuhkan kerjasama dan kolaborasi antara organisasi kedua-dua negara.

Selain itu, program tersebut adalah untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada belia NBD selanjutnya mewujudkan peluang bagi penglibatan dan penyertaan aktif belia negara.

Terokai keindahan, ketenangan daya tarikan NBD



BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 23 Oktober. - Negara
Brunei Darussalam (NBD)
baru-baru ini mengalu-alukan
ketibaan kapal persiaran Piano
Land, menandakan satu lagi
pencapaian penting dalam sektor
pelancongan pelayaran negara
yang semakin berkembang.

Setibanya dari Sabah, Malaysia, kapal yang membawa 1,089 penumpang dan 530 anak kapal amat teruja untuk meneroka keindahan, ketenangan dan daya tarikan di negara ini sebelum meneruskan pelayaran ke Republik Singapura.

Ketika penumpang turun di Pusat Kapal Persiaran, Pelabuhan Muara, mereka disambut dengan persembahan pukulan hadrah bersama jualan tempatan yang mempamerkan cenderamata unik NBD, termasuk kraf tenunan, barangan buatan tangan dan juadah tempatan yang diinspirasi daripada budaya NBD di kawasan ketibaan pusat berkenaan.

Lawatan berkenaan menawarkan penumpang untuk mengenali budaya kehidupan dan keindahan alam semula jadi NBD. Para pelawat berkesempatan

meneroka Kampong Ayer, dan menyusuri hutan paya bakau yang tenang untuk melihat Monyet Proboscis.

Tumpuan lawatan mereka juga termasuk ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien, yang merupakan salah satu mercu tanda Islam yang paling menakjubkan di rantau ini dan mengambil kesempatan bergambar di luar Istana Nurul Iman.

Salah seorang penumpang dari Guangdong, Republik Rakyat China, Deng Yanmei, yang pertama kali melawat NBD menyifatkan pengalamannya sebagai menakutkan dan tidak

Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Kemajuan Pelancongan



KETIKA penumpang turun di Pusat Kapal Persiaran, Pelabuhan Muara, mereka disambut dengan persembahan pukulan hadrah bersama jualan tempatan yang mempamerkan cenderamata unik Negara Brunei Darussalam (kiri dan atas).

dapat dilupakan, memuji kebersihan negara, suasana yang tenang serta keramahan masyarakat NBD.

Penumpang lain turut berkongsi pandangan yang sama, menggambarkan NBD sebagai sebuah destinasi yang damai, selamat dan terpelihara dengan indah serta layanan mesra dan daya tarikan budaya asli yang menjadikan lawatan mereka benar-benar berharga.

Kejayaan persinggahan sulung Piano Land, menandakan kapal persiaran ke-11 yang berlabuh di NBD tahun ini, menggariskan reputasi NBD yang semakin

meningkat sebagai destinasi pelayaran yang baharu muncul di Asia Tenggara.

Setiap ketibaan bukan sahaja mempromosi tawaran pelancongan unik negara tetapi juga mewujudkan peluang berharga untuk perniagaan, pengendali pelancongan dan pertukangan tempatan.

NBD bersedia untuk mengalu-alukan ketibaan semula kapal Blue Dream Melody pada 6 November 2025, sebagai kesinambungan usaha NBD dalam mengukuhkan kedudukannya dalam rangkaian pelancongan kapal persiaran serantau.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Rahsia ketenangan jiwa

kedamaian jiwa. Dalam kehidupan yang penuh dengan ujian ini, tidak sedikit antara kita yang berhadapan dengan tekanan perasaan sama ada dalam bentuk stres, runsing, rasa gelisah sehingga seseorang tidak dapat membuat pertimbangan dengan betul. Mengapakah gejala ini terjadi kepada manusia?

Sebenarnya di dalam Al-Quran memang terdapat jawapan yang jelas tentang sebab-sebab penyakit tersebut terjadi, antaranya disebabkan seseorang itu tidak tahan diuji, contohnya apabila seseorang itu diberikan ujian oleh Allah Subhanahu Wata'ala sama ada berbentuk kesusahan, bala bencana dan mala petaka seperti kemiskinan, banjir, kemarau, kebakaran maka akan gundah gulana dan berkeluh kesahlah jiwanya.

Begitu juga apabila Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat berupa kekayaan kepadanya, maka timbullah sikap bakhil atau kikir pada dirinya untuk menolong orang yang memerlukan bantuan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ma'arij, ayat 19-23 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya manusia itu diciptakan bersifat gelisah lagi bakhil. Apabila dia ditimpa kesusahan, dia berkeluh kesah. Dan apabila dia mendapat kebaikan, dia kedekut kecuali orang-orang yang mendirikan sembahyang. Iaitu orang-orang yang tetap mendirikan sembahyang".

Antara punca utama tekanan perasaan yang melanda manusia hari ini ialah apabila hati semakin jauh daripada mengingat Allah Subhanahu Wata'ala dan kurangnya menghayati ajaran agama. Ada yang terlalu sibuk memenuhi kehendak dunia dan nafsu semata-mata, mengejar keseronokan, kemewahan dan hiburan yang melalaikan sehingga mengabaikan keperluan rohani yang menjadi sumber ketenangan dan kebahagiaan sebenar. Justeru, kembalilah kita kepada jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Perbanyakkanlah amal soleh dan hidupkan zikrullah dalam diri agar kita kembali tenang dan damai. Sama-samalah kita mengambil

ingatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ta-Ha, ayat 124 :

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang berpaling daripada peringatan-Ku (petunjuk-Ku) maka sesungguhnya baginya kehidupan yang sempit (di dunia) dan Kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta".

Sesungguhnya bagi menyelesaikan masalah, kita hendaklah menjadikan Al-Quran sebagai petunjuk dan pembimbing utama dalam kehidupan. Apabila umat Islam berpegang teguh pada ajaran Al-Quran, maka mereka akan mampu menyelesaikan masalah dan kekusutan hidup dengan cara yang diredai dan berkesan, jauh dari jalan yang merosakkan diri seperti meminum arak, menyalahgunakan dadah atau melakukan penderaan.

Untuk mendapatkan suasana aman damai, sejahtera, harmoni dan ketenangan jiwa, agama Islam telah pun menggariskan panduan yang sangat berkesan dalam merawat penyakit jiwa atau tekanan perasaan itu, antaranya :

Pertama : Membanyakan zikrullah iaitu mengingat Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 :

Tafsirnya : "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hari mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".

Kedua : Melaksanakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu mengerjakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya.

Ketiga : Menyucikan jiwa iaitu dengan cara menjauhi diri daripada segala perbuatan dosa dan maksiat.

Sebagai orang Islam, kita Adalah dianjurkan untuk sentiasa berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa dan keadaan. Sesungguhnya doa memiliki peranan yang penting untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk menenangkan jiwa. Antara doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk diamalkan

ketika hati, jiwa, fikiran tidak tenang dan kacau adalah doa yang diriwayatkan oleh Imam At-Tabarani daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu, iaitu :

Maksudnya : "Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada Engkau jiwa yang tenang, beriman dengan hari pertemuan dengan Engkau dan reda dengan ketentuan Engkau dan cukup dengan kurniaan Engkau".

Selain itu, kita juga boleh mengamalkan doa bagi melindungi diri daripada perasaan dan hati keluh kesah dan tidak tenang, iaitu :

Maksudnya : "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau daripada kedukaan dan kesedihan dan aku berlindung kepada Engkau daripada sifat lemah dan malas dan aku berlindung kepada Engkau daripada sifat pengecut dan bakhil dan aku berlindung kepada Engkau daripada bebanan hutang dan penindasan manusia". (Hadis Riwayat Abu Daud)

Sesungguhnya keimanan dan ketakwaan adalah sebagai benteng dalam mengharungi cabaran kehidupan di dunia ini. Oleh itu, hanya dengan mengamalkan ajar agama Islam sahajalah jiwa manusia itu akan terselamat daripada kegelisahan dan kekusutan. Ingatlah, jangan hanya disebabkan kesibukan kita mengejar kesenangan, kemewahan atau kemegahan dunia mengakibatkan kita lupa kepada agama.

Ketahuilah Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan jaminan bahawa manusia yang ikhlas dalam melaksanakan ajaran agama Islam sahajalah yang hanya akan mempunyai hati yang tenteram aman dan sentosa. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberikan ketenangan jiwa kepada kita semua agar dapat menjalani kehidupan ini dengan aman dan bahagia. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "(Iaitu) hari yang harta dan anak-anak tidak akan bermanfaat lagi. Melainkan sesiapa yang datang menghadap Allah dengan hati yang bersih". (Surah Ash-Shu'ara, ayat 88-89)

Pupuk inovasi, kreativiti bakat muda dalam teknologi kewangan

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. – Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama DST Inno Lab, the FinTech Association of Brunei Darussalam (FinTech.BN) dan Brunei Innovation Lab telah berjaya menganjurkan Hackathon FinTech : FinTellec 2025.

Pertandingan Hackathon tersebut berlangsung dari 17 hingga 19 Oktober 2025 di Anggerek Desa Technology Park, yang merupakan lokasi Mekar FinTech Innovation Centre, iCentre dan Brunei Innovation Lab.

Dengan tema 'Harnessing the Power of Artificial Intelligence (AI) to Accelerate Intelligent and Safer Financial Services in Brunei Darussalam', Hackathon selama tiga hari ini bertujuan untuk memupuk inovasi, kreativiti dan kerjasama dalam kalangan bakat muda dalam bidang teknologi kewangan.

Lebih daripada 30 pelajar dari institusi pengajian tinggi tempatan termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB) telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Melalui sesi bimbingan dan

panduan secara langsung, para peserta membangunkan idea-idea inovatif yang didorong oleh AI, yang kemudiannya dipersembahkan dalam sesi pembentangan akhir dan dinilai oleh panel hakim yang terdiri daripada pakar-pakar dalam sektor kewangan dan teknologi.

Majlis Penyampaian Hadiah diadakan pada 19 Oktober 2025, telah diserikan oleh Pemangku Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman yang juga hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan dari the Brunei Economic Development Board, Datastream Digital (DST), FinTech.BN, Brunei Innovation Lab serta UBD dan UNISSA.

Dalam ucapan utamanya, Dayang Hajah Noorrafidah menekankan bahawa kreativiti dan kemajuan adalah usaha yang berterusan. Ia merupakan satu perjalanan pembelajaran, penambahbaikan dan pembaharuan.

Beliau menggalakkan para peserta untuk meneruskan semangat Hackathon ini, sama ada melalui keusahawanan, penyelidikan ataupun kerjaya yang bermakna. Beliau juga



PEMANGKU Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

menekankan kepentingan kerjasama dan kemajuan digital dalam membentuk masa depan sektor perkhidmatan kewangan Negara Brunei Darussalam.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pengumuman tiga pasukan terbaik. Tempat pertama dimenangi oleh POSTah, yang menyediakan pandangan kewangan berasaskan AI untuk memperkasakan

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Tempat kedua dimenangi oleh Almanah, satu sistem pengesanan penipuan automatik berasaskan AI yang direka khas untuk bank. Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh BeeLanja, sebuah aplikasi simpanan berasaskan AI yang digamifikasi untuk menggalakkan literasi kewangan

dan tabiat menabung dalam kalangan belia.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif BDCB dalam memajukan pembangunan FinTech di Negara Brunei Darussalam, termasuk Hackathon FinTech FinTellec 2025, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn atau ikuti akaun Instagram BDCB di [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).

UBD KOMITED MENDUKUNG KESEJAHTERAAN MENTAL KAKITANGAN, PELAJAR



PENOLONG Naib Canselor (University Life and Governance), Dayang Hajah Maudena Haji Abd. Hamid hadir selaku tetamu kehormat majlis.

kesejahteraan emosi. Perasmianya berlangsung di ruang legar Bangunan Tambahan PAPRSB IHS dan dihadiri oleh warga universiti, termasuk mahasiswa mahasiswi, kakitangan akademik, dan profesional penjagaan kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Naib Canselor (University Life and Governance), Dayang Hajah Maudena Haji Abd. Hamid.

Acara dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Pegawai Agama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Awang Haji Muhammad Dzulhili Haji Moharefandi.

Timbalan Pengarah UniHealth, Dr. Deeni Rudita Idris selaku Pengerusi Bersama acara dalam ucapannya antara lain menekankan kepentingan memupuk daya tahan, menyokong

kesihatan mental, dan menggalakkan pelajar dan kakitangan untuk bercakap secara terbuka tentang perjuangan dan perjalanan penyembuhan mereka.

Manakala kemuncak acara pada petang tadi merupakan penyampaian ucapnama bertajuk 'Beyond the Surface: Self-care Discovery in a Noisy World' yang disampaikan oleh Penolong Profesor Kanan dalam Kejururawatan dan Perbidanan, Dr. Khadizah binti Haji Abdul Mumin.

Beliau berkongsi pandangan profesional dan perspektif praktikal tentang menavigasi cabaran kesihatan mental, terutamanya dalam tetapan akademik dan penjagaan kesihatan.

Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi soal jawab sekali gus memberi peluang kepada peserta untuk terlibat dalam perbincangan dan refleksi terbuka.

Acara berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha meluas bagi menggalakkan kesedaran kesihatan mental serta memupuk persekitaran yang sihat dan saling menyokong di kampus yang mana sejajar dengan



PENOLONG Profesor Kanan dalam Kejururawatan dan Perbidanan, Dr. Khadizah binti Haji Abdul Mumin semasa menyampaikan ucapnama.

komitmen UBD terhadap pembangunan holistik dan kesejahteraan kakitangan-pelajar.

Ia juga mencerminkan dedikasi UBD untuk membina Universiti Sihat yang mengutamakan kesejahteraan mental, fizikal dan sosial pelajar, kakitangan dan komuniti yang lebih luas.

Universiti yang memperjuangkan kesihatan holistik secara semula jadi akan meningkatkan kreativiti, produktiviti dan budaya penjagaan merentas semua peringkat pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUNGKU LINK, Rabu, 22 Oktober. - Sempena sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan acara Speak Yourself - A Journey of Resilience & Healing yang mengambil tempat di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul

Bolkiah (PAPRSB IHS).

Acara yang dianjurkan oleh Centre for University Life and Wellness (UniHealth), dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu diadakan bertujuan untuk mewujudkan ruang untuk refleksi, dialog dan kesedaran mengenai kesihatan mental dan

Memastikan institusi kewangan Islam terus mampan, berdaya saing



Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance

GADONG, Rabu, 22 Oktober. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) hari ini menganjurkan Syariah Advisory Forum (SAF) 2025 bertempat di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Acara tersebut dihadiri oleh pengamal industri dari sektor kerajaan dan swasta, dari dalam dan luar negara.

Forum yang bertajuk 'Strategic Syariah Advisory for Ethical and Sustainable Islamic Finance' ini menghimpunkan para

cendekiawan syariah, pengamal industri serta pakar-pakar terkemuka untuk membincangkan pendekatan strategik dalam membuat keputusan syariah di institusi kewangan Islam.

Berteraskan prinsip Maqasid al-Syariah, forum ini bertujuan memastikan hasil yang beretika, mampan serta berdaya saing dalam landskap kewangan Islam yang sentiasa berkembang.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Awang

Afero Eswandy bin Mohamad, yang antara lain menyuarakan aspirasi agar forum ini dapat merangsang perbincangan yang terbuka dan berwawasan, di mana syariah bukan sekadar sebagai peraturan, tetapi juga sebagai panduan strategik dalam membuat keputusan.

Beliau turut menekankan kepentingan mengukuhkan kerjasama dalam kalangan pihak-pihak berkepentingan dalam industri kewangan Islam bagi memastikan kewangan Islam terus mengekalkan asas etikanya sambil memberi impak yang bermakna dan lestari kepada komuniti serta

PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Awang Afero Eswandy bin Mohamad bergambar ramai pada Syariah Advisory Forum (SAF) 2025 bertempat di The Rizqun International Hotel, Gadong.

masyarakat secara lebih luas, di mana produk kewangan bukan sahaja diukur kepada keuntungan, bahkan juga mengenai keadilan, tanggungjawab dan kemampanan.

Acara diteruskan dengan pembentangan khas oleh Ahli Lembaga Penyelesaian Kewangan Syariah (SFSB), Dr. Mohd. Hairul Azrin bin Haji Besar.

Ini diikuti dengan sesi panel bertajuk 'Syariah Leadership in Islamic Finance: Aligning Global Syariah Standards with Strategic Decision-Making', yang menampilkan Ketua Wilayah, Nasihat dan Tadbir Urus Syariah, CIMB Islamic Bank, Awang Ahmad Suhaimi bin Yahya; Timbalan Presiden Penyelidikan, ISRA Institute, INCEIF University, Marjan Muhammad (PhD, CSA); Ketua Kewangan Sosial Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad, Awang Mohd. Nazri bin Chik; dan dikendalikan oleh Dr. Mohd. Hairul Azrin.

Semasa forum tersebut juga diadakan pembentangan khas bertajuk 'From Rules to Principles: Evaluating Compliance Approaches in Islamic Sustainable Finance' oleh Awang Mohd. Nazri bin Chik.

Ini diikuti dengan perbincangan panel dengan tema 'Embedding Maqasid Syariah in ESG: The Role of Syariah Advisory Boards in Shaping Ethical Sustainability', yang dikendalikan oleh Pengurus, Bahagian Pakar Risiko Syariah di Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Awang Muhammad Zul Hamzi Faiz bin Haji Zali, bersama Awang Ahmad Suhaimi bin Yahya; Awang Marjan Muhammad (PhD, CSA); dan Awang Mohd. Nazri bin Chik.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar, dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman web BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.

Melahirkan graduan berkemahiran dalam bidang keusahawanan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugamah Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Ilmu Teras menganjurkan Praktikum Keusahawanan Pendidikan Islam 2025, sebagai usaha melahirkan graduan yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang Pendidikan Islam, tetapi juga berdaya saing dalam bidang keusahawanan.

Bertemakan 'Inspirasi Keusahawanan Islam', acara yang

berlangsung di Kampus KUPU SB ini turut dibukakan kepada orang ramai.

Praktikum ini melibatkan 32 pengusaha yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB yang mengikuti Kursus Keusahawanan dalam Pendidikan Islam dan Kursus Pendidikan Keusahawanan Islam I.

Mereka menawarkan pelbagai produk jualan seperti makanan dan minuman, aksesori serta perkhidmatan cuci kereta.

Selain itu, sesi perkongsian ilmiah turut diadakan oleh tenaga akademik KUPU SB, yang membincangkan topik-topik seperti Peranan Ruqyah Syar'iyah, Asas Khusyuk dalam Solat dan Panduan Membina Ketenangan Hati.

Antara objektif Praktikum Keusahawanan Pendidikan Islam tersebut adalah untuk menjadi platform dan memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi yang terlibat untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari, sambil membudayakan nilai kreativiti, inovasi dan daya saing.

Ia juga bertujuan mewujudkan



BERTEMAKAN 'Inspirasi Keusahawanan Islam', acara yang berlangsung di Kampus KUPU SB ini turut dibukakan kepada orang ramai.

suasana pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) melalui aktiviti sebenar, selain

menyemai semangat keusahawanan yang berlandaskan prinsip Islam.

WASPADA TERHADAP AKTIVITI PENIPUAN DALAM TALIAN



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TAKLIMAT berkenaan mengongsikan pelbagai kaedah dalam menangani jenayah penipuan dalam talian.

Institut Perkhidmatan Awam, Kampung Rimba.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad daripada Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) PPDB kepada seramai 80 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan daripada jabatan-jabatan di bawah KSSUP.

Antara lain, taklimat berkenaan mengongsikan pelbagai kaedah dalam menangani jenayah penipuan dalam talian.

PPDB ingin mengingatkan orang ramai untuk lebih berwaspada sekiranya berhadapan dengan tawaran yang mencurigakan, menarik dan memberikan keuntungan yang sangat tinggi.

PPDB juga akan terus komited dalam melaksanakan tindakan dan taklimat bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jenayah penipuan dalam talian sekali gus membanteras jenayah ini.

Jika berhadapan dengan sebarang tawaran yang mencurigakan, sila laporkan kepada pihak berkuasa dengan segera.

RIMBA, Rabu, 22 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini memberikan

taklimat 'Penipuan dalam talian' bagi Penjawat Awam, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan (KSSUP) sebagai salah satu taklimat bagi Program Induksi Perkhidmatan Awam, di

Operasi Bersepadu pastikan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 dipatuhi



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi baru-baru ini mengadakan operasi bersepadu iaitu lawatan mengejut ke atas tiga buah premis perniagaan di Kampung Kapok, Daerah Brunei dan Muara.

Hasil daripada operasi berkenaan, penguat kuasa Unit SDT mendapati sebanyak 12 unit alat sukat dan timbangan yang digunakan bagi tujuan perdagangan yang mana kesemua alat-alat berkenaan mematuhi Akta SDT 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) 1994.

Pihak peniaga diingatkan untuk mempamerkan tanda berat bersih bagi barang-barang berbungkus untuk memudahkan pihak pembeli



BAHAGIAN Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui Unit Sukatan dan Timbangan dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan operasi bersepadu (atas kiri dan atas).

membuat pilihan dan mengatur perbelanjaan dengan bijak.

Manakala pihak JPES mendapati semua premis perniagaan yang diperiksa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di mana barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Harga-harga barangan yang

dipamerkan di premis perniagaan juga didapati dipaparkan dengan jelas dan betul.

Para peniaga adalah diingatkan bahawa setiap alat sukat dan timbangan yang digunakan untuk tujuan perdagangan hendaklah didaftarkan dengan Unit SDT selaras dengan Akta SDT 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) 1994.

Kegagalan dalam mematuhi mana-mana syarat di bawah akta

ini adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND1,000 atau penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Para peniaga turut dinasihatkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dengan memastikan barangan yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan barangan yang dijual dipamerkan tanda harga yang jelas dan betul serta tidak mengelirukan pengguna.

Senarai harga maksimum yang terkini bagi barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperoleh di dalam laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut: Unit SDT melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 238 3142; dan Jabatan Hal Ehwal Pengguna melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn.

3 warga tempatan ditahan miliki barang tegahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Rabu, 22 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menerima maklumat berhubung dua buah kenderaan

yang mencurigakan dan dipercayai membawa barang-barang tegahan di kawasan Kampung Tanjong Bungar, baru-baru ini.



HASIL pemeriksaan mendapati kenderaan terbabit menyimpan sebanyak 120 botol minuman keras pelbagai jenis dan satu paket rokok (atas dan kanan).

Bertindak atas maklumat tersebut, sepasukan anggota dari Balai Polis Bangar telah menjalankan pemeriksaan di kawasan berkenaan dan berjaya menahan kedua-dua kenderaan tersebut. Hasil pemeriksaan mendapati kenderaan terbabit menyimpan sebanyak 120 botol minuman keras pelbagai jenis dan satu paket rokok.

Susulan penemuan itu, tiga orang suspek terdiri daripada dua wanita dan seorang lelaki warga tempatan, masing-masing berumur dalam lingkungan 40 tahun telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti membawa barang-barang tegahan.

Kesemua suspek bersama barang-barang rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk tindakan dan siasatan lanjut.

Orang ramai dinasihatkan agar



tidak terlibat dalam aktiviti penyeludupan barang tegahan dan digalakkan untuk menyalurkan sebarang maklumat berhubung kegiatan mencurigakan atau

menyalahi undang-undang kepada pihak polis melalui Talian Kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

RTB / K / 124 / 25 - 26
Term Contract For A Twenty-Four
(24) Months Period
For Tyre Services Of RTB
Vehicles- Mitsubishi Pajero,
Van & Wagon

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

RTB / K / 125 / 25 - 26
Term Contract For A Twenty-Four
(24) Months Period For The
Maintenance Of Air-Conditioning
Systems Of RTB Vehicles -
Mitsubishi Pajero (V32, V34, V76
& V96) & Lancer Wagon (CB4)

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 29 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

RTB / K / 120 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Penyuntingan Drama
Kanak-Kanak TV, Bahagian
Rancangan TV, RTB

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

RTB / K / 121 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Penyuntingan Rancangan
Drama TV, Bahagian Rancangan
TV, RTB

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
29 Oktober 2025,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 19 / 2025

Tajuk Tawaran:
Upgrading Works To Existing VIP
Toilet At Dewan Kemasyarakatan
Kampung Pandan Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 20 / 2025

Tajuk Tawaran:
Membekal Kelengkapan Air
Compressor Untuk Kegunaan
Mekanik Unit Bengkel Jabatan
Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa
4 November 2025



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2025 / T3

Nama Tawaran:
To Develop And Operate Retail /
Food & Beverage Outlet At
Brunei International Airport

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 69 / 2025
Penyediaan Perkhidmatan
Mesin Layan Diri Bagi Jabatan
Daerah Brunei Dan Muara Serta
Premis-Premis Di Bawah
Kawalannya Untuk Tempoh Tiga
(3) Tahun

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 70 / 2025
Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Bagi Premis Di Bawah
Kawalan Jabatan Daerah Brunei
Dan Muara, Selama Enam
Belas (16) Bulan, Negara Brunei
Darussalam.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 71 / 2025
Penswastaan Bagi Tempoh 18
Bulan Kerja-Kerja Pembersihan,
Mengutip Dan Membuang
Sampah Bertempat Letak
Kereta Kampung Sungai Bunga,
Jalan Kota Batu, Mukim Kota
Batu, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
4 November 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
POS / T / 30 / JPP / 2025-2026
Pembelian 60 Biji Delivery Box
Belakang Bagi Motosikal

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Pusat Pembelajaran Sepanjang
Hayat
Kementerian Pendidikan
Pemberitahuan Tawaran Pusat
Pembelajaran Sepanjang
Hayat, Kementerian
Pendidikan**

Bilangan Sebut Harga:
L3C / B2106 / 2025-2026 / 08

Tajuk Sebut Harga:
Cleaning And Janitorial Service
For One (1) Year At Lifelong
Learning Centre (L3c),
Ministry Of Education

**Bayaran Yuran / E-Dokumen
Sebut Harga:**
BND5.00

[Bayaran E-Dokumen sebanyak
BND5.00 tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
1 November 2025
[Tidak Lewat Jam 9.00 Pagi]

**Tarikh Dijemput Untuk Sesi
Taklimat Mengenai
Perkhidmatan:**
22 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi

Tempat:
Training Room 1, Tingkat 1,
Blok Pentadbiran,
Pusat Pembelajaran Sepanjang
Hayat (Pusat L3),
Kementerian Pendidikan

**Pembayaran Dan Penerimaan
Yuran / E-Dokumen Sebut
Harga Adalah Secara Atas
Talian (Online).**



**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

**Supply And Delivery Of UAV
Drone, Accessories And
Associated Software For
Fire Fighthing Use**
(RUJ: JBP / TSH / 42 /
2025-2026)

**General Inspection Of Morita
Turntable Ladder BG 7020**
(RUJ: JBP / TSH / 43 /
2025-2026)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
13 November 2025
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.11 / FSS

Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery Of One
Thousand Two Hundred (1,200)
Pieces Of Negara Brunei
Darussalam's Flag 3' X 6' Woolen
Bunting Sewn With State Colour
And State Crest In Red Colour On
Both Side For The Treasury
Department, Ministry Of Finance
and Economy

Tarikh Tutup / Jam:
8 November 2025,
Sabtu
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam





JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JAIN / 6 / 2019 – 2025 (01)

Tajuk Tawaran:
The Provision Of Security
Services Of Jabatan Adat
Istiadat Negara For A Period
Of 36 Months Of Calendar
Year

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa, 28 Oktober 2025
Jam 2.00 petang

Tempat Menghantar Tawaran:

Peti Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan BB3913,
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JPH / 1207-004 / TAW / 405 /
2025-2026

Penanaman Spesies Dipterocarp
Di Kawasan 10
(Seksyen 6, 7 & 8) Di Antara
Lembah Sungai Tutong Dan
Sungai Belait Inter Riverine Zone
(IRZ) Fasa 2

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
11 November 2025,
Jam 2.00 Petang

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND500.00



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

JPH / 003 / 2549 / 2025-2026
To Design, Supply And Install
Signages And Handrail At TRH
Bukit Shahbandar Hiking Trails

Syarat:

Dibukakan kepada
penender-penender yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan di dalam Kelas I
Ke Atas Dan Sub Kategori KA
01 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan
Am Sub-Kontraktor dibenarkan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

JPH / 003 / SH2559 /
2025-2026
Membekalkan Peralatan,
Kelengkapan Dan Alat Ganti
Mesin Bagi Bahagian Ameniti
Dan Perkhidmatan Perhutanan

Syarat:

Dibukakan khusus kepada
syarikat pembekal peralatan,
alat ganti dan mesin.

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):**
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00

-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
13 November 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 4 November 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Kelas:

II & III Sahaja

Kategori:

P01 / KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 040 / 2025

Nama Projek:

Kerja Membaik Pulih Pam Sungai
Burong No.2 dan Penggantian
Injap Masuk Butterfly DN500 di
Loji Rawatan Air Layong

Kelas:

V / VI Sahaja

Kategori:

V / VI Sahaja

Kategori:



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Telfix Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapi Kelulusan (keputusan / pengat vertikal / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (diambil dari pengiraan Poin Kelengkapan Pengiraan Kelulusan (90%) yang berkesan)
4. Tandakan "I" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapi Maklumat (tarikh / perkhidmatan / perkhidmatan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam dan luar)

+673 7371961

WhatsApp: <https://www.whatsapp.com/channel/00291630000000000000>

Facebook: <https://www.facebook.com/SPABrunei>

Twitter: <https://twitter.com/SPABrunei>

Instagram: <https://www.instagram.com/SPABrunei>

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/company/SPABrunei>

Telegram: <https://t.me/SPABrunei>

YouTube: <https://www.youtube.com/channel/UC00000000000000000000>

Website: WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

QR Code

QR Code

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENGURUS MESS TINGKAT II KEMENTERIAN PERTAHANAN D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/03/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	01 NOVEMBER 2025
2. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN KESIHATAN M 15 EB.16 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B)	01 NOVEMBER 2025
3. PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI KEMENTERIAN PERTAHANAN SUPERSCALE A/B/C (BAHAGIAN I) 2025/OCT/04/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	38(A)	03 NOVEMBER 2025
4. PEGAWAI PELAJARAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM G.13 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	12	7(A)	03 NOVEMBER 2025
5. PENGAWAS KECIL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN E.1-2.3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/OCT/04/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	03 NOVEMBER 2025
6. JURUUKUR BAHAN JABATAN PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/05/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	03 NOVEMBER 2025
7. PEGAWAI BANDARAN JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/02/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	03 NOVEMBER 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DILAYARI DIBAWAH PERATURAN TAJI SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOAL-JAWAB SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat I,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di ulp.spa@spa.gov.bn



KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 041 / 2025

Nama Projek:

Penambahbaikan Rangkaian
Sistem Paip Air Utama dan
Tangki-Tangki Air Bagi Ke Semua
Daerah : Membekal dan
Memasang Paip-Paip Air Utama
Inlet Baru Ke Tangki Simpanan
Jerudong 1 dan Tangki Simpanan
Rimba, Daerah Brunei dan Muara

Kelas:

III / IV / V Sahaja

Kategori:

KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 042 / 2025

Nama Projek:

Kontrak Penggal Bagi Ke Semua
Operasi Bantuan / Penyeliaan
Untuk Kerja-Kerja Rutin /
Kecemasan Termasuk Bantuan
Telemetri Ke Atas Tangki-Tangki
Air dan Laluan Paip Untuk Unit
Supply di Daerah Brunei dan
Muara selama 36 Bulan

Kelas:

VI Sahaja

Kategori:

KA01 & M03 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 043 / 2025

Nama Projek:

Menaiktaraf Loji Rawatan Air dan
Penyambungan Paip Air Utama
bagi Kesemua Daerah : Loji
Rawatan Air Bukit Barun
Peringkat 6 & 7, Daerah Tutong
(Fasa-1)



JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dengan hormat sukacita dimaklumkan kepada warga tempatan bahawa terdapat wang taruhan yang masih belum dituntut dari tahun 1992 sehingga tahun 2018.

Sehubungan dengan itu, dialu-alukan kepada pihak yang tersenarai agar dapat membuat tuntutan di Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwat Dalam Negeri, Tutong TA1141, Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja sahaja iaitu: -

Isnin Hingga Khamis	8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu	8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang

Bagi pihak yang ingin membuat tuntutan hendaklah menghadapkan surat tuntutan dan menyertakan resit asal dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ini. Mana-mana wang taruhan yang masih belum dituntut selepas dari tempoh yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam hasil Kerajaan.

Dengan ini disertakan senarai nama, bilangan resit dan jumlah wang taruhan bagi tahun 1992 sehingga tahun 2018 yang masih belum dituntut: -

Tahun	Nama / Syarikat	Nombor Resit	Jumlah
1982	Guthrie (B) Sdn Berhad	378417	BND500.00
1982	Donus Salam Motor	378419	BND500.00
1982	Donus Salam Motor	378418	BND500.00
1982	Bausted Trading (S) Pte Ltd	378421	BND500.00
1982	Ajijah Hj Ahmad & Anak-Anak	378481	BND300.00
1982	Ajijah Hj Ahmad & Anak-Anak	378482	BND300.00
1983	Darussalam Motors	378559	BND500.00
1983	Phong Ming Trading Co	378562	BND300.00
1983	Tsens Furniture Mach.	378563	BND300.00
1984	Desa Construction	336348	BND2,000.00
1985	Mohammad Boon Sheng Manufacturer	336155	BND300.00
1985	Ocean Quarry & Cont. Ltd	336180	BND500.00
1985	Hj Ghani Hj Tengah	336184	BND500.00
1985	Syarikat Hj Wahab Metali General Co	336195	BND2,000.00
1985	Hj Malai Mashar General Contractor	336197	BND3,000.00
1986	Ocean Quarry Ltd	336472	BND1,000.00
1986	Syarikat Abd Manan Muhammad	336488	BND1,000.00
1986	Syarikat Abd Manan Pulang	336512	BND1,000.00
1987	Goh Hock Lee Motor Sdn Bhd	336697	BND1,600.00
1987	Dyg Untong Andong	025901	BND1,000.00
1989	Hj Mohd Tamit Hj Mohd Tahir	026098	BND1,000.00
1989	Hj Md Yusof B Pdi Hj Mokti Dan Anak-Anak	026119	BND1,000.00
1989	Hj Md Yusof B Pdi Hj Mokti Dan Anak-Anak	026120	BND500.00
1989	Hj Md Yusof B Pdi Hj Mokti Dan Anak-Anak	026121	BND500.00
1989	Goh Hock Ko Motor Sdn Bhd	026122	BND500.00
1989	Syarikat Mohd Salleh Hj Manaf	026253	BND200.00
1991	Goh Hock Kee Motor Sdn Bhd	730209	BND500.00
1992	Goh Hock Kee Motor Sdn Bhd	730357	BND500.00
1992	Awg Hj Ibrahim Hj Md Serudin	730395	BND200.00
1992	Eastern Construction Trading Co	730398	BND100.00
1992	Eastern Construction Trading Co	730399	BND100.00
1992	Goh Hock Kee Motors S/B	730476	BND500.00
1992	Goh Hock Kee Motor S/B	730513	BND200.00
1993	Darusima Trading & Printing Co	700128	BND100.00
1993	Avesta Printing And Trading	700132	BND100.00
1993	Innovations Channel	700133	BND100.00
1993	Brunei Daily Newspaper & Printing Co	700135	BND100.00
1993	Brunei Press S/B	700145	BND100.00
1993	Nafco Service	700146	BND100.00
1995	Orbit General Const. Co	1111459	BND1,000.00
1998	Pengurus Suria Enterprise	1025448	BND1,300.00
1999	Avesta Printing & Trading Sdn Bhd	1224155	BND100.00
1999	Borneo Printers & Trading Sdn Bhd	1224148	BND100.00
1999	Brunei Press Sdn Bhd	1224150	BND100.00
1999	Darusima Trading & Painting Co	1224151	BND100.00
1999	Wonderprint Sdn Bhd	1224152	BND100.00
1999	Star Trading & Printing Sdn Bhd	1224158	BND100.00
2001	Kilang Papan Andulau Sdn Bhd	5635723	BND200.00
2001	Penelope International Co	5635726	BND200.00
2001	Tei Sun (B) Sdn Bhd	5635728	BND200.00
2011	Dyg Hamida Binti Hj Ghani	5737501	BND30.00
2011	Mariyani Bte Hj Majid	5737515	BND30.00
2011	Hjh Hamidah Bte Jamudin	5737520	BND60.00
2011	Amina Maryam Bte Abd Razak	5737516	BND30.00
2011	Sidah Bte Majid	5737514	BND30.00
2011	Hjh Roslinawati Bte Hj Momin	5737517	BND30.00
2011	Fatimah Bte Hj Mustapa	5737521	BND60.00
2011	Yunus Bin Abdullah @ Affrinas Bin Marak	5737529	BND30.00
2011	Mohd Adnani Bte Hj Ibrahim	5737532	BND100.00
2011	Hjh Jijah Bte Bangok	5737530	BND30.00
2011	Hj Md Zain Bin Tengah	5737533	BND100.00
2011	Ismayati Bte M. Ishak	5737535	BND48.00
2011	Julianah Bte Timbang	5737538	BND30.00
2011	Dyg Hasnah Binti Atar	5737544	BND30.00
2011	Erniengo @ Ngo Siu Nie	5737546	BND100.00
2011	Hj Soffi Bin Oksw Hj Abdullah	5737550	BND100.00
2011	Hj Awg Mohd Soffi Oksw Hj Awg Abdullah	5737560	BND100.00
2011	Hj Hamaffi Bin Md Yassin	5737561	BND100.00
2012	Hj Yaakub Bin Hj Ismail	5737569	BND100.00
2012	Dyg Siti Nadiah Nabilah Bte Md Zaluddin	5737571	BND100.00
2012	Awg Sabli Bin Ismail	5737576	BND100.00
2012	Muhd Hafizul Azmee Bin Abdullah Zaman	7227105	BND30.00
2012	Siti Suriahana Binti Muhd Khairuddin	7227103	BND30.00
2012	Nora Faraheezah Binti Abdullah Abang	5737600	BND30.00
2012	Nuraidah Binti Abdullah	5737598	BND30.00
2012	Kiew Lee Mui	5737597	BND30.00
2012	Kamariah Binti Nayan	5737595	BND30.00
2012	Maszelineh Binti Hj Asit	7227111	BND30.00
2012	Ali Noor Noor B Hj Abd Halim	7227110	BND30.00
2012	Awg Osman B Hj Kamanudin	7227131	BND100.00
2012	Awg Soon Seng Lee	7227132	BND100.00
2012	Hjh Sharifah Nor	7227137	BND200.00
2012	Hjh Sarah Binti Hj Ibrahim	7227138	BND100.00
2013	Awg Rosle Bin Hj Bolhassan	7227183	BND100.00
2013	Awg Abdul Rahim Bin Abdullah Teo	7227184	BND100.00
2013	Awg Mohammad Izwan B Tarip	7227185	BND100.00
2013	Awg Bobbywesly Bin Abas	7227188	BND100.00
2013	Awg Sulaiman B Hj Sihiek	7227197	BND100.00
2013	Hj Mohd Salleh Bin Ahai	8695215	BND100.00
2013	Guru Besar Sekolah Nurul Falah	8695220	BND100.00
2014	Dyg Zeenoren Bt Muhd Ariff	8695234	BND100.00
2014	Hj Mahaleh Bn Hj Abdul Majid	8695246	BND100.00



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Adalah dimaklumkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bahawa lesen alat menangkap ikan, Jabatan Perikanan bagi tahun 2026 hendaklah dibaharui mulai 1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025. Oleh yang demikian, nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk mendapatkan lesen alat menangkap ikan boleh memohon pembaharui lesen berkenaan melalui Sistem *Online* 'OneBiz'. Pemohon boleh mencetak resit pembayaran selepas diluluskan permohonan, setelah membuat pembayaran secara *online* kepada yang berikut :

Bil	Tempat	Hari - Waktu
1	Kaunter Pelesenan Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa Kampung Serasa, Brunei Muara BT1728 Negara Brunei Darussalam Nombor Telefon : +673 2771453	Isnin – Khamis 8.15 Pagi – 11.00 Pagi 1.45 Petang – 2.30 Petang Sabtu 8.30 Pagi – 10.00 Pagi sahaja
2	Kaunter Pelesenan Cawangan Jabatan Perikanan Daerah Belait Nombor Telefon : +673 3331852	Isnin – Khamis 8.15 Pagi – 11.30 Pagi 1.45 Petang – 3.00 Petang Sabtu 8.30 Pagi – 10.30 Pagi sahaja
3	Kaunter Pelesenan Cawangan Jabatan Perikanan Daerah Tutong Nombor Telefon : +673 4221331	Isnin – Khamis 8.15 Pagi – 11.30 Pagi 1.45 Petang – 3.00 Petang Sabtu 8.30 Pagi – 10.30 Pagi sahaja
4	Kaunter Pelesenan Cawangan Jabatan Perikanan Daerah Temburong Nombor Telefon : +673 5221468	Isnin – Khamis 8.15 Pagi – 11.30 Pagi 1.45 Petang – 3.00 Petang Sabtu 8.30 Pagi – 10.30 Pagi sahaja

Dalam pada itu, diingatkan juga nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan nbahawa lesen-lesen yang sah adalah dikehendaki di bawah Akta Perikanan (Penggai 61). Sesiapa yang didapati kesalahannya kerana mengusahakan penangkapan ikan tanpa lesen alat menangkap ikan yang sah akan diambil tindakan di bawah akta tersebut.

Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam



Adalah dimaklumkan kepada penyimpan-penyimpan wang cagaran bahawa masih terdapat wang cagaran bagi tawaran-tawaran Tahun 2009 hingga 2017 yang belum lagi dituntut. Penyimpan-penyimpan dikehendaki membuat

tuntutan ke alamat tersebut semasa waktu bekerja iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat :

**Pusat Khidmat Pelanggan
Pihak Berkuasa Maritim
dan Pelabuhan Brunei
Darussalam
Jalan Pelabuhan
Muara BT1728**

Semasa membuat tuntutan penyimpan-penyimpan hendaklah menghadapkan surat tuntutan, salinan bank akaun syarikat, salinan kad pintar dan menyertakan resit asal berkenaan dalam tempoh tiga (3) bulan dari

tarikh pemberitahuan ini. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil kerajaan.

Untuk sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi melalui e-mel di finance.receiveable@mpabd.gov.bn atau telefon di **+673 8319289**.

Senarai nama penender, bilangan resit dan jumlah wang cagaran bagi tahun 2009 hingga 2017 yang masih belum dituntut.

Tahun	Nama Syarikat	Resit No.		Jumlah
2009	Muara Money Changer	4525877	BND	252.00
2009	Ismakom Co. Sdn Bhd	4525924	BND	6,000.00
2009	Bayu Ilham Motors Sdn Bhd	4525966	BND	6,000.00
2009	Bengkel Kereta Berakas Sdn Bhd	4525977	BND	6,000.00
2009	B.T Forwarding Sdn Bhd	5203006	BND	1,800.00
2009	B.T Forwarding Sdn Bhd	5203004	BND	1,800.00
2009	Serikandi Oil Field Services Sdn Bhd	5203061	BND	2,100.00
2009	B.T Forwarding Sdn Bhd	5203087	BND	900.00
2010	Ridah Handicraft	5449673	BND	150.00
2010	Brunei Methanol Company Sdn Bhd	6542830	BND	3,000.00
2011	Md Huzaïmi Ahmad & Adik-Adik	6964926	BND	900.00
2011	Syarikat Amp. Hj Salleh Amp. Hj Judah	6821108	BND	135.00
2011	Taiwah Travel Services Sdn Bhd	7465968	BND	294.00
2011	Interhill Industries Sdn Bhd	7467298	BND	294.00
2012	Sukimo	D6535833	BND	200.00
2012	Hary Kurniawan (JV Id 0001993868 Dd. 10/9/2013)	D6535838	BND	300.00
2012	Sukirman	D6535836	BND	300.00
2012	Dasim Supiyana	D6535837	BND	300.00
2012	DSZ Enterprise	7771110	BND	60.00
2014	Syraikat Maju Chantan Shipping & Forwarding	9495890	BND	500.00
2014	B-Win Forwarding & Trading Company	9664216	BND	6,132.22
2014	Perusahaan C.B.	0147935	BND	112.50
2014	P.T.A.S Sdn Bhd	E0147887	BND	24,254.16
2015	Tropicana Restaurant	0811050	BND	1,800.00
2016	D' Sunlit Sdn Bhd	0816087	BND	6,000.00
2016	Air Cat Fud Services	1441688	BND	1,500.00
2016	MOG Sdn Bhd	1734813	BND	1,000.00
2017	Syarikat Pemunggaan Hj Awg Buang & Anak-Anak	2022507	BND	200.00
2017	Cataleya Trading Company	2024905	BND	3,000.00
2017	Syarikat Najeehan	2024987	BND	46.80

2014	Hj Kambli Bin Sahari	8695248	BND200.00
2014	Dyg Mus Hidayawati Binti Abu Bakar	8695252	BND100.00
2014	Norisa Azuma Md Norazmi	8695256	BND100.00
2014	Shari Bin Hj Junid	8695263	BND100.00
2014	Awg Amalularifin Hilmi Bin Abdul Rahman	8695275	BND200.00
2014	Hjh Habibah Bte Hj Ibrahim	9960812	BND100.00
2015	Awg Abd Khalid Bin Latip	9960847	BND100.00
2015	Sit Noralizah Binti Ibrahim	9960876	BND100.00
2015	Awg Saban Bin Timbang	9961402	BND100.00
2016	Dyg Fatimah Binti Salleh	9961423	BND100.00
2016	Michale Bin Lian	9961447	BND100.00
2016	Winarto	9961465	BND100.00
2016	Yusandy Sri Santty Binti Md Yusof	9961474	BND100.00
2016	Hjh Raya Bte Rais	9961485	BND100.00
2016	Abd Khalid Bin Hj Abd Latif	9961802	BND100.00
2017	Dyg Safa Fatimah Zahrah Binti Abdullah Norli	9961810	BND100.00
2017	Ampuan Asilati Farahiya Binti Ampuan Hj Mohamad	9961823	BND100.00
2017	Dyg Mahani Binti Mohamad	9961867	BND100.00
2017	Prof Dr Pg Amir Md Yusof Bin Pg Abbas Al-Haj	9961873	BND100.00
2018	Saban Bin Timbang	9961887	BND100.00



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Rujukan Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-25
Tempahan Dan Pembekalan Tudung Bagi Pegawai Dan Kakitangan Wanita Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Rujukan Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-26
Tempahan Dan Pembekalan Pakaian Beristiadat (Ceremonial) Untuk Pegawai-Pegawai Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 39 (R)

Tajuk Tawaran:
Storytelling Workshop For Tourist Guide – Brunei Heritage River Cruise Trail

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 52

Tajuk Tawaran:
To Print, Install Billboard Graphic Sticker, Strengthen And Maintaining Existing Structure Of The Billboard At Airport Flyover

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 November 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-27
Tempahan Dan Pembekalan Kelengkapan Pakaian Seragam Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIKULTUR KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran Untuk Berniaga Di Petak Jualan Di Pusat Hortikultur Rimba, Gadong

Bilangan:
07 / 2025

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Petak Jualan seperti berikut :-

Lokasi:
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Petak:
A1

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Bilangan:
08 / 2025

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Petak Jualan seperti berikut

Lokasi:
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Petak:
A2

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Tempoh iklan:
4 minggu



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 082 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance Of Street Lightings For Mukim Keriam, Pekan Tutong, Kiudang And Lamunin In Tutong District For A Period Of Three (3) Years

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 083 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance Of Street Lightings For Mukim Tanjong Maya, Telisai, Rambai And Ukong In Tutong District

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan mempunyai kategori E01 dan E02 dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja.

Dokumen tawaran dan penerangan - penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran Dan Sebut Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam



Tarikh mula iklan:
Rabu,
8 Oktober 2025

Tarikh berakhir iklan:
Sabtu,
8 November 2025

Tarikh akhir menghantar:
Sabtu,
22 November 2025
sebelum jam 3.00 petang

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang



Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 089 / 2025

Tajuk Tawaran:
Provision Of Oil Filtration Services For Selective 66KV Transformers For A Period Of Two Years

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025
2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 3, 4 Atau 5 Dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari

Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri



PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Bilangan Tawaran Dan Tajuk Projek:
HMSF / TDR / 03 / 2025
The Supply, Delivery And Commissioning Of Two (2) Units Of Passenger Van And Two (2) Units Cargo Panel Van To His Majesty The Sultan's Flight Office

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 2 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
06 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
Network Infrastructure Upgrade Project: The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing And Maintenance For Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, Ministry Of Religious Affairs

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
07 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
Network Infrastructure Upgrade Project: The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing and Maintenance for Ma'had Islam Brunei, Ministry of Religious Affairs

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
09 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
One-Year Term Contract to Supply and Deliver Genuine Toner and Ink Cartridges for The Ministry of Religious Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 November 2025
2.00 Petang



KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BIOS / JKSH / 01 / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Jamuan Bagi Ahli Jawatankuasa Yang Bertugas, Raptai Dan Majlis Pelancaran Bagi Ekspo Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan 2025

Tarikh Tutup Mengambil Borang Sebut Harga:
Khamis,
6 November 2025
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 6 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)



OPERASI BERSEPADU KESAN PELBAGAI KESALAHAN



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-Undang Cawangan Kuala Belait, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) turut melaksanakan operasi penguat kuasa di bawah Operasi Panyap 112/2025 yang mana menyasarkan kepada tempat penginapan pekerja asing di Mukim Liang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Oktober. - Operasi Bersepadu Penguatkuasa Undang-Undang bagi membendung pesalah-pesalah imigresen terus giat dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasa lainnya. Operasi Bersepadu Panyap 110/2025 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK

bersama-sama dengan Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Buruh yang mana menyasarkan kepada sebuah syarikat perniagaan di Mukim Sengkuring.

Hasil daripada operasi bersepadu tersebut, lima orang warganegara asing telah diperiksa yang mana seorang daripadanya diarahkan untuk melaporkan diri ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Sementara itu, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Buruh pula mendapati tiga kesalahan hasil daripada operasi bersepadu berkenaan. Kesalahan pertama adalah di bawah Bab 112(1) iaitu majikan didapati menggaji pekerja asing tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh, kesalahan kedua adalah di bawah Bab 112(2) iaitu melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing dan kesalahan ketiga pula adalah di bawah Bab 86 iaitu tempat kegiatan perusahaan tidak diisytiharkan ke Jabatan Buruh.

Sebagai usaha berterusan untuk membanteras pesalah-pesalah imigresen, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Cawangan Kuala Belait, JIPK turut melaksanakan operasi penguat kuasa di bawah Operasi Panyap 112/2025 yang mana menyasarkan kepada tempat penginapan pekerja asing di Mukim Liang.

Sembilan orang warganegara asing telah pun diperiksa dan tujuh orang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Dua orang daripada warganegara asing tersebut dilaporkan lari daripada majikan dan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Manakala lima orang daripadanya telah melakukan kesalahan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu gagal

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPERASI Bersepadu Panyap 110/2025 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK bersama-sama dengan Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Buruh yang mana menyasarkan kepada sebuah syarikat perniagaan di Mukim Sengkuring.

mengemukakan sebarang dokumen yang sah dan dipercayai menyalahi Bab 15 (1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Dalam pada itu juga, dua orang warganegara asing turut diarahkan untuk melaporkan diri ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

JIPK turut mengongsikan dua sesi pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17.

Pendakwaan terhadap Edwin Yun Kok Kim@Md. Yazid Abdullah, seorang lelaki, warganegara Malaysia berumur 49 tahun adalah merupakan kes peralihan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Individu dijatuhkan hukuman bagi dua kesalahan iaitu kesalahan pertama di bawah Seksyen 380, Kanun Keseksaan, Penggal 22 kerana mencuri dan kesalahan kedua di bawah Bab 36, Akta Imigresen, Penggal 17 kerana masuk semula ke negara ini setelah diusir atau dipulangkan secara sah.

Individu mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama lapan bulan bagi kesalahan pertama dan penjara selama dua tahun sembilan bulan serta tiga kali sebatan bagi kesalahan kedua. Hukuman dijalankan secara berturut-turut yang mana menjadikan keseluruhan hukuman kepada tiga tahun lima bulan penjara dan tiga kali sebatan. Hukuman berkuat kuasa pada tarikh individu ditahan iaitu 8 Oktober 2025.

Sementara itu, Muhammad Babul Hossain, seorang lelaki warganegara Bangladesh berumur 31 tahun telah pun dijatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman mula berkuat kuasa pada 7 Oktober 2025.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

جانب کاجی چولچا بروني والى السلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Pembatalan pembebasan, perbicaraan semula

Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman telah membenarkan rayuan yang dibuat oleh Pendakwa Raya atas pembebasan Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Jonathan Kho Chew Sen.

Responden telah dibicarakan di Mahkamah Majistret atas kesalahan di bawah Bab-bab 6(a) dan 6(b) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 serta pertuduhan alternatif di bawah Bab 165 dan Bab 109 dibaca bersama Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Semasa dakwaan Haji Muhammad Suffian merupakan Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Perdana Menteri, manakala Jonathan Kho merupakan Penolong Ketua

Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, RTB.

Kes tersebut melibatkan sebuah kereta Mercedes-Benz C200 CGI AMG Sports bernilai BND66,800 yang diberikan oleh Jonathan Kho Chew Sen kepada Haji Muhammad Suffian yang didakwa sebagai satu bentuk suapan bagi tujuan mendapatkan pelantikan beliau sebagai Pemangku Ketua Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa di RTB.

Pada akhir perbicaraan, Mahkamah Majistret telah menerima hujahan pembelaan bahawa kereta tersebut merupakan pinjaman tanpa faedah yang tiada kaitan dengan pelantikan Jonathan Kho di RTB, walaupun tiada bayaran balik pernah dibuat. Kedua-dua

responden telah dibebaskan pada 6 Mac 2025.

Mahkamah Tinggi turut berpendapat bahawa Mahkamah Majistret tidak memutuskan sama ada anggapan tersebut telah berjaya dibantah oleh responden dan Mahkamah Majistret gagal menilai keseluruhan keterangan secara menyeluruh berdasarkan ujian objektif orang yang munasabah dalam menentukan niat rasuah.

Pihak Pendakwa Raya diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Suriana binti Haji Radin dan Nurul Fitri binti Kiprawi sementara responden diwakili oleh Peguamcara Roy Prabhakaran dan Kamal bin Shaari dari firma guaman Tetuan Yusof Halim & Partners.

DARI MAHKAMAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. - Mahkamah Tinggi telah membatalkan pembebasan dan mengarahkan perbicaraan semula bagi semua pertuduhan utama dan alternatif.

Dalam rayuan Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri

Paduka Haji Abidin berpendapat bahawa Mahkamah Majistret telah tersilap tafsir berhubung anggapan (*presumption*) di bawah Akta Pencegahan Rasuah iaitu apa-apa suapan yang dibuktikan telah diberikan atau diterima hendaklah dianggap sebagai rasuah melainkan dibuktikan sebaliknya.

PEKA, FIKIR SEBELUM BERKONGSI GAMBAR, MAKLUMAT PERIBADI DI LAMAN MAYA



SENTIASA berwaspada dan mengambil langkah kesedaran (*awareness*) memuat naik gambar swafoto di laman media sosial.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. - Dalam kepesatan dunia digital yang semakin rancak dengan penciptaan pelbagai aplikasi mudah alih (*mobile apps*) dan

kemajuan teknologi Kecerdasan Buatan (AI), semakin ramai individu terdorong untuk memuat naik gambar diri atau melakukan swafoto (*selfie*) melalui pelbagai platform media sosial yang wujud

pada masa kini.

Fenomena swafoto bukan lagi perkara asing, khususnya dalam kalangan generasi muda yang gemar merakam gambar diri menggunakan telefon pintar sebelum memuat naiknya ke laman seperti Instagram, Facebook, WhatsApp, TikTok dan sebagainya. Budaya ini telah menjadi satu trend moden yang mencerminkan cara masyarakat berinteraksi serta mengekspresikan diri dalam dunia maya.

Walaupun fenomena ini sering dianggap sebagai satu bentuk ekspresi diri yang positif, namun kita juga perlu saling mengingatkan bahawa kesedaran dan langkah berhati-hati amat penting kerana budaya swafoto juga boleh membawa pelbagai risiko terhadap keselamatan dan privasi individu serta orang lain.

Sebahagian individu beranggapan bahawa kekerapan mengambil swafoto dan memuat naiknya di media sosial dapat meningkatkan keyakinan diri, terutamanya apabila menerima maklum balas positif daripada rakan-rakan dan pengikut mereka.

Dalam masa yang sama, budaya swafoto turut dilihat sebagai wadah untuk berkongsi detik-detik penting dalam kehidupan, termasuk pencapaian peribadi, keraian kekeluargaan, atau momen istimewa semasa melancong dan bersama insan tersayang.

Kini, swafoto bukan sekadar

gambar tetapi sebahagian daripada identiti digital seseorang yang mencerminkan personaliti, gaya hidup serta aktiviti seharian yang ingin dikongsi bersama komuniti maya. Namun, di sebaliknya manfaat tersebut, kekerapan memuat naik swafoto turut menimbulkan kebimbangan terhadap aspek privasi dan keselamatan siber.

Melalui gambar yang dimuat naik, maklumat peribadi seperti lokasi, latar belakang rumah atau aktiviti harian boleh terdedah tanpa disedari dan diakses oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Contohnya, penjenayah siber (*cyber crime*) mampu menganalisis gambar untuk mendapatkan maklumat seperti lokasi, malah perincian wajah yang boleh digunakan bagi tujuan pencurian identiti (*identity theft*).

Selain itu, tindakan berkongsi gambar bersama anak-anak di platform media sosial juga menimbulkan kebimbangan. Gambar yang dikongsi secara terbuka boleh disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Ramai ibu bapa tidak menyedari bahawa dengan memuat naik gambar anak-anak secara terbuka, mereka sebenarnya membuka ruang kepada risiko keselamatan yang boleh mengancam keselamatan anak-anak mereka.

Dalam masa yang sama, beberapa organisasi keselamatan digital turut menegaskan bahawa gambar yang telah dimuat naik ke internet tidak semestinya terpadam

sepenuhnya walaupun pengguna telah memadamkannya. Fail tersebut mungkin masih kekal di pelayan (*server*) atau telah tersebar ke rangkaian lain tanpa kawalan.

Bagi mengurangkan risiko tersebut, masyarakat disarankan agar lebih berhati-hati dan berfikir panjang sebelum berkongsi sebarang gambar atau maklumat peribadi di laman maya.

Antara langkah pencegahan yang boleh diamalkan termasuklah berfikir terlebih dahulu sebelum memuat naik sebarang gambar atau maklumat peribadi. Cuba elakkan berkongsi lokasi sebenar secara langsung di media sosial, kurangkan perkongsian gambar kanak-kanak secara terbuka, gunakan tetapan privasi dengan bijak dan sentiasa mengemas kini keselamatan akaun, dan memupuk kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan keselamatan digital dalam kalangan ahli keluarga.

Fenomena swafoto sememangnya tidak dapat dielakkan dalam budaya digital masa kini. Ia memberikan ruang kepada ekspresi diri dan komunikasi sosial, namun kesedaran terhadap risiko yang tersembunyi amatlah penting.

Melindungi privasi diri dan keluarga bukan sekadar langkah berjaga-jaga, tetapi juga tanggungjawab bersama bagi membina masyarakat digital yang lebih selamat, beretika dan harmoni.

Teguhkan amal ibadah bersama jiwa keikhlasan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober. - Manusia dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala dengan pelbagai nikmat yang mana antara individu dengan individu lain ada keistimewaan yang tersendiri.

Antara nikmat kurnia Ilahi itu seseorang yang dilimpahi potensi daya intelektual yang tinggi, ada yang dikurniakan rupa paras yang tampan atau cantik, ada juga yang diberikan limpahan kekayaan harta benda dan keturunan dan pelbagai lagi nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada hamba-hamba-Nya yang sungguh tidak terkira banyaknya.

Sesungguhnya agama Islam menuntut umatnya agar memiliki sifat-sifat mahmudah (terpuji) dan melarang kita daripada bersifat mazmumah (keji) bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan juga akhirat.

Oleh itu, dengan segala kelebihan yang ada pada diri sendiri itu, kita sebagai hamba Allah perlu sentiasa mengawasi hati daripada terjerumus dalam bisikan syaitan yang meniupkan ujub terhadap diri sendiri. Ujub adalah salah satu sifat tercela yang amat dimurkai Allah Subhanahu Wata'ala dan sewajarnya kita berusaha supaya perasaan buruk ini tidak menetap di dalam hati kita.

Mengulas mengenai maksud ujub sebagaimana yang disampaikan oleh khatib dalam Khutbah Jumaat bertajuk 'Menjauhi dan Menghindari Sifat Ujub' pada 17 Oktober lalu antaranya berkata

ujub adalah salah satu sifat kagum terhadap diri sendiri, angkuh, bongkak dan ego. Sifat ini juga diertikan sebagai satu sifat membanggakan diri dengan memberikan satu penghargaan yang terlalu berlebihan kepada kemampuan diri sendiri.

Jelas khatib lagi, sifat keji ini umpamanya timbul rasa meninggi diri dalam bidang keilmuan, amalan ataupun kesempurnaan moral sehingga ada yang sampai kepada satu tahap di mana seseorang itu lupa bahawasanya Allah Subhanahu Wata'ala yang memberikan setiap kebaikan dan nikmat tersebut.

Perlu diketahui juga, sifat ujub ini merupakan satu sifat kesombongan yang terbit dalam hati dan tidak zahir ataupun dilihat oleh orang lain. Berbanding dengan sifat takbur iaitu satu sifat kesombongan yang zahir dan terlihat melalui ucapan dan perbuatan.

Dalam pada itu, sifat ujub mempunyai kesan yang amat buruk dalam kehidupan seseorang antaranya nilai keperibadian dan sahsiah mereka tidak melambangkan mukmin sejati kerana ketinggian egonya serta tidak mudah mengaku kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri.

Antara kesan buruk ujub yang lain ialah dibenci Allah Subhanahu Wata'ala; mendapat azab neraka pada hari akhirat; kehidupan diselubungi penipuan; bangga diri tergolong amalan syaitan; tidak

AMALAN berzikir sekali gus dapat mengikis sifat-sifat mazmumah (keji) seperti sifat ujub yang bersarang di sanubari.

memperoleh taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala; tidak memperoleh keberkatan dalam hidup; dan dibenci oleh masyarakat sehingga membawa kepada pergaduhan; serta merosakkan akal fikiran dan menjatuhkan kemuliaan akhlak.

Oleh itu, Islam amat menggalakkan umatnya untuk sentiasa bersyukur ketika memperoleh nikmat atau kelebihan kerana selamat daripada kekufuran dan untuk menjauhi dan menghindari diri daripada sifat ujub itu ialah dengan sentiasa menanamkan dan menyuburkan sifat tawaduk dan sentiasa merendahkan diri.

Sifat tawaduk dapat memimpin kita agar sentiasa menghormati orang lain walau kita mempunyai kelebihan, ia akan menjadikan hati kita sentiasa ikhlas dalam beramal ibadah, berbuat amal kebajikan sehingga menyebabkan kita tidak suka menunjuk-nunjuk apa yang dilakukan.

Selain itu, sifat tawaduk juga menjadikan kita sentiasa bermuhasabah diri, sentiasa mencari kekurangan dan kelemahan diri, mahu menerima teguran dan nasihat daripada orang lain.



Berita dan Foto : Nurdinyanah Rajami

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama menjauhi sifat ujub bak peribahasa Melayu kita disebut 'angkat bakul' dalam kita meniti kehidupan yang fana (dunia) ini demi sama-sama meraih rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala sebelum kita kembali ke

alam yang kekal abadi (akhirat).

Sebagai umat Islam, kita mestilah sentiasa meyakini dan memperteguhkan iman dari semasa ke semasa dengan melakukan segala bentuk amalan ibadah yang didasari bersama jiwa keikhlasan.



Belia usahawan muda harapan ekonomi negara

Oleh : Nurin Nabihah@NurHikmatol Nabihah Abu Bakar,
Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

SELARAS dengan kemajuan negara yang semakin maju dan mencabar, keusahawanan menjadi salah satu bidang yang mampu memperkukuh pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), golongan belia memainkan peranan utama dalam menjayakan bidang ini. Mereka bukan sahaja menjadi peneraju idea baharu tetapi juga menjadi agen perubahan yang berpotensi menggerakkan pembangunan negara ke arah yang mampan dan progresif.

Belia merupakan tonggak utama dalam menceburi bidang keusahawanan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaruh kepercayaan kepada golongan belia yang terlibat dalam keusahawanan, seperti mana titah baginda sempena Hari Belia Kebangsaan 2011:

"Beta percaya, setiap pencapaian oleh para usahawan belia akan menjadi penggalak dan pemangkin kepada para belia yang lain untuk menceburkan diri dalam dunia keusahawanan".

Titah ini jelas menggambarkan keyakinan baginda terhadap keupayaan belia untuk menjadi tonggak kemajuan ekonomi negara melalui semangat keusahawanan yang tinggi.

Keusahawanan belia turut dilihat sebagai salah satu langkah penting untuk mengurangkan ketergantungan terhadap sektor kerajaan serta menggalakkan masyarakat menjadi lebih berdikari dan berdaya saing. Seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, para belia diharap dapat mencipta peluang pekerjaan melalui inovasi dan kreativiti masing-masing, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan.

Inisiatif kerajaan

Kerajaan NBD memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menyokong belia dalam bidang keusahawanan, membolehkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan sendiri. Antara program utama yang disediakan adalah seperti Darussalam Enterprise (DARE). DARE merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada 18 Februari 2016 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Penubuhan ini bertujuan untuk memperkasa dan membangunkan perusahaan tempatan agar mampu menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara yang dinamik, berdaya tahan serta berdaya saing.

Peranan DARE dalam keusahawanan

DARE memainkan peranan penting dalam membangunkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di NBD. Objektif utama DARE adalah membangunkan perusahaan agar menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Antara inisiatif utamanya ialah usaha dalam meningkatkan keupayaannya untuk menyokong pembangunan PMKS melalui penyediaan ruang perniagaan yang berkualiti. DARE telah menyediakan 26 tapak perniagaan, termasuk tapak perindustrian dan *ready-built factories* bagi menyokong pertumbuhan pelabur langsung asing serta aktiviti pembuatan tempatan. Selain itu, DARE turut menawarkan ruang *incubation*, *co-working*, dan pra-komersial bagi membantu perusahaan mikro serta *high value startups* di peringkat awal perkembangan mereka.

DARE telah menyediakan latihan dan pembangunan untuk PMKS melalui program Industry Business Academy. Program ini meliputi aspek penting dalam menjalankan perniagaan seperti pemasaran, perakaunan

dan pengurusan, dijalankan dalam bentuk kelas dan dibahagikan kepada tiga peringkat. Program Accelerate Bootcamp merupakan latihan intensif yang direka khusus untuk membimbing usahawan dari peringkat *ideation* (idea awal) hingga ke pelaksanaan dan *pitching* di hadapan pelabur sebenar yang dijalankan lebih daripada 100 hari. Program Micro Business Bootcamp dilaksanakan bagi memupuk minda keusahawanan dan semangat daya tahan dalam kalangan belia. Program ini menggabungkan latihan fizikal dan kursus perniagaan selama tiga minggu, diikuti dengan tempoh pemantauan selama enam bulan bagi memastikan kesinambungan dan kemajuan peserta. Sasaran utama program ini ialah belia berumur 18 hingga 40 tahun yang berminat memulakan perniagaan sendiri.

Dalam usaha memudahkan ekosistem yang pro-perniagaan, DARE menubuhkan Business Support Centre yang menempatkan pelbagai agensi kerajaan untuk mempercepatkan proses perniagaan serta mengendalikan aduan melalui Business Helpdesk. Selain itu, DARE turut menggalakkan penyertaan PMKS dalam ekonomi melalui pengaksesan pasaran tempatan dan antarabangsa, antaranya melalui misi perdagangan, ekspo, serta program 'Made in Brunei' yang bertujuan memperkukuh eksport produk tempatan.

Bagi memupuk budaya keusahawanan, DARE menganjurkan pelbagai program promosi seperti Biz Brunei, Entrepreneurship Open Day, dan Brunei MSME Festival yang menampilkan kisah kejayaan pengusaha tempatan serta memberi inspirasi kepada belia dan bazar jualan. Kesemua inisiatif ini jelas menunjukkan bahawa DARE memainkan peranan penting dalam memperkukuh daya saing PMKS serta mendorong pertumbuhan ekonomi Brunei ke arah yang lebih mampan, dinamik, dan berdaya tahan.

Cabaran

Walau bagaimanapun, belia usahawan menghadapi beberapa cabaran utama

dalam mengembangkan perniagaan mereka. Pertama, kurang pengalaman dan modal permulaan menjadi halangan utama. Walaupun mendapat sokongan kerajaan seperti program DARE, ramai belia masih sukar mendapatkan modal yang mencukupi dan kurang berpengalaman dalam menguruskan kewangan perniagaan mereka. Kedua, persaingan dengan jenama luar negara menuntut mereka mencari cara untuk menunjukkan keunikan produk tempatan dan membina identiti jenama yang kukuh. Ketiga, kekangan dalam pemasaran digital dan strategi perniagaan menyukarkan mereka memanfaatkan platform digital secara efektif, termasuk menukar minat pelanggan menjadi jualan sebenar. Akhir sekali, mentaliti takut gagal sering menghalang belia daripada mengambil risiko yang diperlukan untuk inovasi dan pertumbuhan. Oleh itu, belajar dari kegagalan merupakan sebahagian proses yang penting dalam membina belia keusahawanan yang berjaya.

Harapan

Dalam mencapai salah satu Matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, keusahawanan belia diharapkan terus berkembang dan menjadi tonggak penting dalam memacu ekonomi negara. Dengan sokongan berterusan daripada kerajaan, institusi pendidikan, dan masyarakat, golongan belia mampu mengatasi cabaran yang dihadapi serta memperlihatkan kreativiti dan inovasi dalam perniagaan mereka. Oleh itu, diharapkan agar lebih ramai belia berani mengambil risiko, memanfaatkan teknologi digital, dan mengekalkan semangat berdikari bagi membina perniagaan yang lestari. Kejayaan mereka bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan, membuka peluang pekerjaan, dan menjadikan ekonomi negara lebih dinamik, progresif dan berdaya saing di peringkat global.





GUNUNG FUJI DILITUPI SALJI PERTAMA MUSIM INI

KOFU (Jepun), 23 Okt. - Puncak Gunung Fuji, gunung tertinggi di Jepun diliputi salji buat kali pertama musim ini pada Khamis,

iaitu 21 hari lewat daripada purata tahunan namun 15 hari lebih awal berbanding tahun lalu, lapor Agensi Berita Kyodo. Seorang pegawai di Balai

Pemerhati Kofu, Wilayah Yamanashi mengesahkan lapisan salji dilihat di puncak gunung setinggi 3,776 meter itu sekitar 6 pagi.

Menurut balai berkenaan, salji terbentuk hasil kehadiran awan tebal dan udara sejuk di atas gunung sejak Rabu.

Suhu di kawasan berhampiran puncak dilaporkan menurun hingga paras - 6.4 darjah Celsius sekitar 1 pagi Khamis, berdasarkan data sistem

pemerhatian Agensi Meteorologi Jepun.

Tahun lalu, gunung ikonik yang terletak di sempadan wilayah Shizuoka dan Yamanashi itu mula dilitupi salji pada 7 November, iaitu tarikh paling lewat direkodkan sejak pemerhatian bermula pada 1894. - ©BERNAMA

Ribut Benjamin dijangka bawa hujan lebat, angin kencang ke UK

LONDON, 23 Okt. - Ribut Benjamin dijangka membawa hujan lebat dan angin kencang ke beberapa kawasan di United Kingdom (UK) minggu ini, lapor Anadolu Ajansi memetik perkhidmatan cuaca, Met Office.

Met Office telah mengeluarkan tiga amaran cuaca peringkat kuning bagi Khamis, merangkumi

kemungkinan berlakunya gangguan, banjir, bekalan elektrik terputus dan kerosakan bangunan di beberapa wilayah.

Amaran hujan peringkat kuning itu meliputi sebahagian besar kawasan selatan England, East Midlands serta beberapa bahagian Wales dan Yorkshire.

Hujan lebat dijangka bermula pada Rabu malam dengan jumlah taburan sehingga 50 milimeter di beberapa kawasan menjelang awal pagi Khamis.

Angin kencang turut berpotensi menyebabkan gangguan bekalan elektrik, gangguan pengangkutan serta kerosakan pada bangunan. - ©BERNAMA

Tesla panggil semula 13,000 kenderaan elektrik akibat kegagalan penyentuh bateri

ISTANBUL, 23 Okt. - Gergasi kenderaan elektrik (EV) Amerika Syarikat (AS) Tesla memanggil semula kira-kira 13,000 kenderaan Model 3 dan Model Y 2026 kerana masalah pada komponen pek bateri, umum Pentadbiran Keselamatan Trafik Lebuhraya Kebangsaan Amerika Syarikat (NHTSA) pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi.

"Tesla, Inc. (Tesla) memanggil semula kenderaan Model 3 2025 dan Model Y 2026 tertentu. Penyentuh pek bateri mungkin gagal berfungsi, menyebabkan kehilangan kuasa pemanduan," menurut NHTSA dalam satu kenyataan.

NHTSA memberi amaran bahawa kegagalan penyentuh pek bateri dan kehilangan kuasa yang berpunca

daripadanya boleh meningkatkan risiko kemalangan.

Menurut kenyataan itu, hampir 13,000 kenderaan berpotensi terjejas akibat panggilan semula itu.

Ia menambah bahawa Tesla akan menggantikan penyentuh itu secara percuma dan surat pemberitahuan dijangka dihantar kepada pemilik kenderaan pada 9 Disember. - ©BERNAMA

Sistem keselamatan Muzium Louvre berfungsi seperti biasa - Menteri Republik Perancis

PARIS, 22 Okt. - Susulan kecurian melibatkan barang kemas bersejarah dari Muzium Louvre di Paris, Menteri Kebudayaan Republik Perancis Rachida Dati menafikan wujud sebarang masalah pada sistem keselamatan muzium berkenaan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Adakah langkah keselamatan Louvre gagal? Tidak, ia tidak gagal. Itu fakta. Sistem keselamatan berfungsi," kata Dati semasa sesi soal jawab di Parlimen pada Selasa.

Muzium berkenaan telah dikosongkan dan ditutup pada

Ahad selepas empat pencuri bertopeng mencaroboh masuk ke Galeri Apollo, tempat mahkota bertatahkan permata disimpan.

Pencuri bertindak melarikan lapan barang kemas yang pernah dimiliki oleh ratu dan maharani Republik Perancis.

"Pemeriksaan terhadap fungsi sistem penggera masih dijalankan," menurut pejabat pendakwa raya Paris awal Selasa.

Menurut siasatan awal, isu yang sedang disiasat ialah sama ada sistem penggera berbunyi sebaik pencuri memasuki dewan pameran atau hanya beberapa saat sebelum

mereka melarikan diri melalui tingkap yang sama digunakan untuk masuk.

Ahli sejarah dan pengasas majalah seni dalam talian La Tribune de l'Art, Didier Rykner, mendakwa bahawa sistem penggera pada tingkap yang terlibat telah dikenal pasti bermasalah sebulan lalu.

Beliau memetik sumber dalaman di Louvre termasuk seorang pegawai kanan, namun menambah bahawa tidak jelas sama ada kerosakan itu telah dibaiki sebelum kejadian. - ©BERNAMA

Mahkamah Colombia batalkan hukuman 12 tahun terhadap bekas Presiden Uribe

BUENOS AIRES, 22 Okt. - Mahkamah Bogotá pada Selasa membatalkan sabitan terhadap bekas Presiden Colombia, Alvaro Uribe atas pertuduhan mempengaruhi saksi dan penipuan prosiding kehakiman, sekali gus mengetepikan hukuman penjara 12 tahun yang dijatuhkan ke atasnya, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Bagaimanapun, pihak pendakwa raya masih boleh mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Agung negara itu.

Dalam perbicaraan awal pada Ogos lalu, Uribe dijatuhi hukuman 12 tahun di bawah tahanan rumah.

Kes itu bermula lebih sedekad lalu apabila Uribe sendiri memfailkan tindakan undang-undang terhadap senator berhaluan kiri, Iván Cepeda, yang menyiasat dakwaan kaitannya dengan kumpulan separa tentera.

Namun pada 2018, situasi berubah apabila Uribe dituduh menekan bekas tahanan separa tentera supaya memberi keterangan yang boleh membebaskannya.

Proses kehakiman kes itu berulang kali tertangguh dan pertuduhan rasmi hanya dikemukakan terhadapnya pada 2024.

Mahkamah Bogotá kini memutuskan bahawa bukti yang dikemukakan tidak mencukupi untuk mensabitkan kesalahan.

Uribe, merupakan tokoh konservatif yang memimpin Colombia dari 2002 hingga 2010.

Penyokongnya menganggap beliau sebagai pembela keselamatan negara ketika konflik sengit dengan kumpulan gerila berhaluan kiri, sementara pengkritik menuduhnya terlibat dalam pelanggaran hak asasi manusia serta mempunyai hubungan rapat dengan pasukan separa tentera.

Konflik dalaman yang berlarutan selama beberapa dekad antara pasukan kerajaan, kumpulan separa tentera dan gerila di Colombia telah mengorbankan kira-kira 220,000 nyawa serta menyebabkan jutaan penduduk hilang tempat tinggal. - ©BERNAMA

Mangsa bom atom suarakan kebimbangan terhadap pendirian nuklear PM baharu Jepun

TOKYO, 21 Okt. - Mangsa-mangsa yang terselamat daripada pengeboman atom di Hiroshima dan Nagasaki pada Selasa menggesa Perdana Menteri baharu Jepun Sanae Takaichi supaya tidak berganjak daripada komitmen negara itu terhadap dunia bebas senjata nuklear, sambil menyuarakan kebimbangan terhadap cadangannya sebelum ini bahawa tiga prinsip tanpa nuklear yang telah lama diadalkan negara itu perlu dikaji semula, lapor Agensi Berita Kyodo.

"Walaupun pelantikan perdana menteri wanita pertama adalah bersejarah, saya amat bimbang tentang hala tuju dasar beliau yang kelihatan lebih bergantung kepada kekerasan berbanding dialog," kata Takeshi Yamakawa, 89, seorang mangsa terselamat pengeboman atom di Nagasaki yang aktif berkongsi pengalaman hidupnya.

Pada 2022, ketika memegang jawatan sebagai ketua Parti Liberal Demokratik (LDP) yang memerintah, Takaichi berpendapat bahawa pengecualian perlu dibenarkan terhadap tiga prinsip Jepun - tidak memiliki, tidak mengeluarkan dan tidak membenarkan kemasukan senjata nuklear - dalam keadaan kecemasan tertentu.

Yamakawa menyuarakan kebimbangan terhadap cadangan untuk mengubah dasar itu, sambil berkata: "Sebagai sebuah negara yang mengetahui dahsyatnya bom atom, perubahan seperti itu tidak boleh berlaku sama sekali. (Tiga prinsip tanpa nuklear) harus dikekalkan sebagai prinsip negara."

Takashi Hiraoka, 97, yang pernah berkhidmat sebagai Datuk Bandar Hiroshima dari 1991 hingga 1999, menggesa pentadbiran baharu supaya "mengamalkan diplomasi keamanan dengan bersungguh-sungguh."

Pada Selasa, "Kempen Jepun untuk Penghapusan Senjata Nuklear", satu gerakan di seluruh negara yang turut disertai mangsa pengeboman atom, mengadakan sidang media terdengar secara dalam talian untuk menyuarakan kebimbangan mengenai kemungkinan dasar nuklear pentadbiran baharu itu. - ©BERNAMA

Adidas tingkatkan unjuran keuntungan 2025 selepas suku ketiga yang kukuh

FRANKFURT, 22 Okt. - Adidas pada Selasa meningkatkan ramalan keuntungan untuk 2025 susulan jualan suku ketiga yang lebih kukuh daripada jangkaan, menurut laporan Agensi Berita Jerman (dpa).

Firma pakaian sukan Jerman itu kini menjangkakan keuntungan operasi sekitar 2 bilion (US\$2.3 bilion), meningkat daripada ramalan awal antara 1.7 bilion (US\$1.9 bilion) hingga 1.8 bilion (US\$2.1 bilion).

Adidas menyatakan peningkatan

jualan yang lebih baik daripada jangkaan dan kejayaan langkahnya dalam mengimbangi kos tambahan akibat penganan tarif Amerika Syarikat.

Hasil suku ketiga meningkat lapan peratus mengikut kadar pertukaran mata wang kepada lebih 6.6 bilion (US\$7.7 bilion). Jualan jenama teras Adidas meningkat 12 peratus.

"Saya amat bangga dengan apa yang dicapai oleh pasukan kami pada suku ketiga," kata Ketua Pegawai Eksekutif Bjorn Gulden

dalam satu kenyataan, menyifatkan hasil dan jualan itusebagai "tertinggi yang pernah dicapai sebagai sebuah syarikat dalam satu suku tahun."

Keuntungan operasi meningkat daripada 598 juta (US\$694 juta) kepada 736 juta (US\$855 juta).

Adidas merancang untuk mengeluarkan keputusan suku tahunan penuh pada 29 Oktober.

Untuk keseluruhan tahun, syarikat kini menjangkakan pertumbuhan hasil yang diselaraskan dengan mata wang

iaitu sebanyak sembilan peratus, kenaikan digit tunggal. - ©BERNAMA



CHINA MELANCARKAN SATELIT UJIAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI BAHARU

WENCHANG, Hainan, 24 Okt. - China pada hari Khamis menghantar satelit ujian teknologi

ROKET Long March-5 yang membawa satelit ujian teknologi komunikasi baharu dilancarkan dari Tapak Pelancaran Angkasa Wenchang di Wilayah Hainan, selatan China.

komunikasi baharu ke angkasa lepas dari Tapak Pelancaran Angkasa Lepas Wenchang di Wilayah Hainan selatan China.

Dilancarkan pada jam 10:30 malam (Waktu Beijing) di atas



roket Long March-5, satelit itu telah berjaya memasuki orbitnya yang dirancang. Ia akan digunakan terutamanya untuk menjalankan ujian pengesahan teknologi komunikasi berbilang jalur dan berkelajuan tinggi. Pelancaran itu merupakan misi ke-602 siri roket pembawa Long March. - ©XINHUA

Alaska Airlines henti semua penerbangan seluruh negara akibat gangguan teknikal

ISTANBUL, 24 Okt. - Syarikat penerbangan Alaska Airlines menghentikan semua penerbangannya di seluruh Amerika Syarikat pada Khamis berikutan gangguan teknikal, menandakan gangguan kedua seumpamanya dalam tempoh kira-kira tiga bulan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Alaska Airlines sedang mengalami gangguan sistem IT yang menjejaskan operasi. Hentian sementara penerbangan telah dilaksanakan," menurut syarikat itu dalam kenyataan. "Kami memohon maaf atas kesulitan yang dialami. Sekiranya anda dijadualkan untuk terbang malam ini, sila semak status penerbangan

anda sebelum berlepas ke lapangan terbang".

Walaupun punca sebenar gangguan itu masih belum diketahui, insiden serupa sebelum ini memaksa syarikat penerbangan itu menggantung semua penerbangan selama hampir tiga jam pada Julai lalu, menurut laporan media. - ©BERNAMA

PGA rampas lebih 2,000 peranti dan pelbagai cecair rokok elektronik di Tanah Merah

KOTA BHARU, 24 Okt. - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 bersama Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) merampas 2,622 unit peranti dan cecair rokok elektronik atau Vape pelbagai jenis serta 733 unit aksesori bernilai RM272,000 dalam serbuan Op Taring Wawasan Kelantan di Tanah Merah semalam.

Pemangku Komander Briged Tenggara PGA ACP Ijid Landu Binju berkata serbuan ke atas dua premis dijalankan antara 9.50 pagi hingga 11 pagi dan mendapati premis berkenaan beroperasi tanpa lesen daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Tiga lelaki berusia 21 hingga 23 tahun yang bertindak sebagai penjaga premis turut ditahan untuk disiasat di bawah Seksyen 3(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian MDTM 2019.

"Kesemua barang rampasan diserahkan kepada MDTM untuk tindakan lanjut dan PBT turut mengeluarkan kompaun serta notis sitaan terhadap barangan yang dirampas," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, dalam operasi berasingan pada hari sama, PGA Batalion 7 turut menggagalkan cubaan mengedar dadah selepas

merampas 7.05 kilogram ganja di Kampung Tok Pelanduk, Pasir Mas.

"Serbuan ke atas sebuah rumah tidak berpenghuni dilakukan pada 11.30 pagi hasil maklumat risikan, sebelum anggota menemukan sebuah guni berisi bunga ganja yang ditinggalkan di luar kediaman itu.

"Nilai anggaran rampasan RM254,000 dan diserahkan kepada Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas untuk tindakan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya. - ©BERNAMA

Lapangan terbang utama AS gantung penerbangan akibat kekurangan pengawal trafik udara

WASHINGTON, 24 Okt. - Beberapa lapangan terbang utama di Amerika Syarikat (AS) pada Khamis mengeluarkan arahan penggantungan sementara atau kelewatan penerbangan berikutan kekurangan kakitangan kawalan trafik udara, mencerminkan kesan yang semakin meluas akibat penutupan kerajaan persekutuan yang kini memasuki hari ke-23, lapor Xinhua.

Lapangan Terbang Nasional Ronald Reagan Washington (DCA) yang terletak berhampiran ibu negara AS mengeluarkan program kelewatan penerbangan, manakala Lapangan Terbang Antarabangsa Newark Liberty (EWR) di New Jersey, Lapangan Terbang LaGuardia (LGA) di New York dan Lapangan Terbang

Antarabangsa George Bush di Houston mengemukakan arahan pengantungan sementara berikutan kekurangan kakitangan, sekali gus menghentikan semua pelepasan buat sementara waktu.

Menurut maklumat terkini daripada Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA), pelepasan ke Lapangan Terbang Nasional Ronald Reagan Washington ditangguhkan secara purata selama 31 minit setakat 9.30 malam Khamis (0130 GMT Jumaat).

Data daripada portal FlightAware menunjukkan lebih 5,000 penerbangan dalam, ke, atau dari AS mengalami kelewatan dengan 80 pembatalan.

Bermula bulan ini, kira-kira

13,000 pengawal trafik udara dan 50,000 kakitangan Pentadbiran Keselamatan Pengangkutan (TSA) terus bekerja tanpa gaji. TSA bertanggungjawab terhadap pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang AS.

Ketika dua parti politik terus saling menyalahkan, terdapat kemungkinan besar penutupan kerajaan itu akan berlanjutan hingga November, malah mungkin ke musim cuti hujung tahun.

"Kami khuatir akan berlaku kelewatan, gangguan dan pembatalan penerbangan yang ketara di lapangan terbang utama di seluruh negara pada musim cuti kali ini," kata Setiausaha Akhbar Rumah Putih Karoline Leavitt pada Khamis. - ©BERNAMA

Presiden Argentina lantik Menteri Luar baharu

BUENOS AIRES, 24 Okt. - Presiden Argentina Javier Milei melantik ahli ekonomi Pablo Quirno sebagai Menteri Luar, menurut kenyataan pejabat presiden pada Khamis, lapor Xinhua.

Quirno akan menggantikan Menteri Luar sedia ada, Gerardo Werthein yang mengemukakan surat peletakan jawatannya berkuat kuasa Isnin, 27 Okt, menurut kenyataan akhbar itu.

Ketika ini Quirno memegang jawatan Setiausaha Kewangan dan dianggap sebagai "anggota penting ekonomi yang berjaya mengelakkan krisis terbesar dalam sejarah negara serta memainkan peranan dalam pembinaan ekonomi Argentina," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Lelaki Florida mengaku tidak bersalah cetus kebakaran Palisades di Los Angeles

ISTANBUL, 24 Okt. - Seorang lelaki Florida yang dituduh mencetuskan kebakaran dahsyat Palisades di Los Angeles pada Januari lalu mengaku tidak bersalah pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Jonathan Rinderknecht, 29, berdepan pertuduhan memusnahkan harta benda dengan api, melakukan pembakaran yang menjejaskan perdagangan antara negeri serta membakar kawasan hutan, dengan pihak pendakwa memberi amaran bahawa sabitan boleh membawa hukuman penjara antara lima hingga 45 tahun.

Semasa penampilan pertamanya di mahkamah Los Angeles, peguam bela Rinderknecht, Steven Haney, memohon agar anak guamnya dibebaskan dengan alasan dia tiada rekod jenayah, serta tidak mempunyai masalah kesihatan mental atau penyalahgunaan dadah.

Bagaimanapun, Hakim Majistret Amerika Syarikat, Rozella A. Oliver, mengekalkan perintah hakim Florida pada 9 Oktober lalu untuk menahannya.

Sebelum perbicaraan bermula, Rinderknecht meminta untuk bercakap mengenai penahanannya, menyebabkan mahkamah berehat seketika.

Dia kemudian kembali dan membuat pengakuan tidak bersalah, dengan perbicaraan dijadual bermula pada 16 Disember dan dijangka berlangsung selama tujuh hingga 10 hari.

Rinderknecht didakwa memulakan kebakaran kecil pada Hari Tahun Baharu di bawah tanah sebelum kembali marak dan merebak ke kawasan Pacific Palisades — kawasan kediaman mewah di Los Angeles.

Kebakaran kecil itu kembali marak seminggu kemudian yang meragut 12 nyawa dan memusnahkan 6,837 struktur, kebanyakannya rumah kediaman. - ©BERNAMA

20 maut, ramai cedera bas terbakar di Republik India

NEW DELHI, 24 Okt. - Sekurang-kurangnya 20 orang maut manakala ramai lagi melecur apabila sebuah bas persendirian yang dinaiki mereka terbakar selepas bertembung dengan sebuah motosikal di negeri Andhra Pradesh, selatan Republik India awal pagi Jumaat, lapor Xinhua.

Kejadian berlaku di jalan berhampiran kampung Chinna Tekur di daerah Kurnool, Andhra Pradesh.

Menurut polis, bas berkenaan yang membawa 42 penumpang dari Hyderabad ke Bengaluru terbakar serta-merta selepas perlanggaran berlaku.

Laporan awal menyebut kebanyakan penumpang sedang tidur ketika kejadian.

Orang awam segera membantu menyelamatkan mangsa sebelum pasukan bomba dan polis tiba di tempat kejadian.

Mangsa yang cedera dikejarkan ke Hospital Besar Kerajaan Kurnool untuk menerima rawatan dan angka korban dijangka meningkat.

Polis telah membuka kertas siasatan dan memulakan penyiasatan lanjut berhubung tragedi itu. - ©BERNAMA

Aktiviti bersukan pupuk perpaduan, kebersamaan



FOKUS  **UKAN** 

SUKAN sering kali dikaitkan dengan individu yang memiliki tubuh badan yang cergas, bertenaga dan muda remaja. Namun begitu, persepsi ini semakin lama semakin berubah. Realitinya, sukan bukanlah sesuatu yang eksklusif untuk golongan atlet profesional sahaja. Ia adalah satu bentuk aktiviti yang seharusnya dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur, saiz badan, atau tahap kecergasan.

Manfaat sukan tidak terhad kepada pembinaan fizikal semata-mata. Dari sudut kesihatan, aktiviti fizikal membantu meningkatkan fungsi jantung,

memperbaiki peredaran darah dan mengawal berat badan. Bagi golongan yang lebih tua, senaman ringan dapat meningkatkan keseimbangan dan fleksibiliti, sekali gus mengurangkan risiko jatuh atau kecederaan.

Dari aspek psikologi, sukan boleh mengurangkan tekanan dan kebimbangan, meningkatkan keyakinan diri serta memberi peluang untuk bersosial. Hal ini amat penting bagi golongan yang sering terpinggir seperti mereka yang mempunyai saiz badan besar atau mereka yang kurang upaya, kerana penglibatan dalam sukan memberi mereka peluang untuk membina rangkaian sokongan yang positif.

Keluarga dan komuniti secara keseluruhannya memegang tanggungjawab penting dalam menjayakan konsep sukan untuk semua. Ibu bapa boleh menjadi contoh kepada anak-anak dengan melibatkan diri dalam aktiviti fizikal bersama keluarga. Komuniti pula boleh menganjurkan program sukan santai seperti senamrobik di taman, zumba komuniti, atau sukaneka keluarga yang menyasarkan semua peringkat umur.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

Masyarakat boleh mengambil inisiatif untuk menganjurkan pelbagai aktiviti kesihatan yang boleh menarik minat penduduk untuk lebih aktif secara fizikal dan mendapatkan maklumat kesihatan yang betul. Ia juga dapat membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat.

Kemudahan sukan juga perlu

lebih mesra pengguna seperti adanya trek berjalan kaki yang selamat, laluan khas untuk warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) serta jurulatih yang terlatih dalam menangani keperluan pelbagai golongan.

Penyertaan dalam sukan mengajar kita nilai seperti disiplin, kerja berpasukan, kejujuran dan semangat kesukanan. Nilai-nilai ini penting untuk kanak-kanak yang sedang membesar, remaja yang berhadapan cabaran sosial dan juga orang dewasa dalam kehidupan harian. Justeru, sukan memberi manfaat menyeluruh kepada semua peringkat umur.

Sukan bukanlah hak eksklusif bagi golongan muda dan cergas semata-mata. Ia adalah satu keperluan asas untuk kesihatan dan kesejahteraan yang wajar dinikmati oleh setiap insan. Masyarakat perlu menerima bahawa setiap individu tanpa mengira umur atau saiz badan, berhak untuk bersukan mengikut kemampuan masing-masing. Dengan sokongan yang inklusif, kita dapat membentuk sebuah masyarakat yang lebih sihat, aktif, dan harmoni.

Aktiviti bersukan bukan sahaja penting untuk kesihatan, malah berperanan besar dalam memupuk dan memperkukuh perpaduan masyarakat. Melalui semangat kesukanan, nilai kerjasama dan sikap saling menghormati dapat disemai dalam kalangan rakyat berbilang kaum.



385 sertai Prison FitX Challenge 'Iron Will'



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Jumaat, 24 Oktober. - Sempena Ulang Tahun Ke-71 Penuhuan Jabatan Penjara, acara kecergasan Prison FitX Challenge 'Iron Will' telah diadakan di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini. Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Prison FitX Challenge

'Iron Will' disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut, selaku tetamu kehormat majlis.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis turut menyempurnakan sesi pelepasan

peserta sebagai simbolik pelancaran acara tiga hari tersebut.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyaksikan cabaran fizikal di beberapa stesen pertandingan serta melawat reruai pameran berkaitan kesihatan dan kecergasan.

Seramai 385 peserta termasuk kontinjen dari Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Penjara Republik Indonesia menyertai acara Prison FitX Challenge 'Iron Will' berkenaan.

Penganjuran berkenaan bertujuan meningkatkan tahap kesihatan, kecergasan dan semangat berpasukan dalam kalangan warga kerja kementerian dan agensi keselamatan serta orang ramai, di samping memupuk gaya hidup sihat dan aktif.



MAJLIS Pembukaan Prison FitX Challenge 'Iron Will' disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (atas), manakala gambar kiri, antara yang menyertai pertandingan.

PASUKAN VETERAN MOE MARA KE SUKU AKHIR KEJOHANAN FUTSAL HPA

SEKITAR perlawanan pada Kejohanan Futsal di antara kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32 (kanan dan kanan sekali).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Oktober.- Pasukan Futsal Veteran Kementerian Pendidikan (MOE) mengesahkan kemaraan ke suku akhir, Kategori Veteran Kumpulan 'B' pada Kejohanan Futsal di antara Kementerian - kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32.

Pasukan MOE berjaya mengutip lapan mata selepas memenangi dua perlawanan dan dua kali seri sementara Pasukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang mengutip enam mata menduduki tempat kedua untuk merampas satu slot ke suku akhir.

Sementara itu, dua kumpulan



lagi mara ke suku akhir termasuk Kementerian Kesihatan (MOH) dan Kementerian Pembangunan (MOD) untuk mengiringi Kumpulan 'B' mara ke suku akhir.

Awal dari itu, empat pasukan dalam Kumpulan 'A' lebih awal menanti persaingan pada suku akhir termasuk Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam

Hari itu akibat kecuaiannya pemandu lain, kehidupannya berubah untuk selamanya.

Perempuan, had fizikal berusia 28 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

Hari itu dia berjalan buat kali terakhir.

Perempuan, lumpuh berusia 31 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

mkkjrbrunei
 www.mkkjr.gov.bn



Berita dan Foto : Ihsan Urus Setia Kejohanan Futsal HPA Ke-32

Negeri (KHEDN), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Pasukan Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU). Persaingan suku akhir dan separuh akhir bagi Kategori Terbuka dan Veteran akan diadakan pada Sabtu ini.



SUKAN BELIA ASIA KE-3 DIRASMIKAN

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Asia Ke-3, 2025



MAJLIS Perasmian Sukan Belia Asia Ke-3, 2025 telah berlangsung di Exhibition World Bahrain.

MANAMA, **BAHRAIN**, Khamis, 23 Oktober. - Majlis Perasmian Sukan Belia Asia Ke-3, 2025 telah berlangsung di Exhibition World Bahrain, hari ini.

Berangkat ke majlis perasmian tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia (OCA) Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Sukan Belia Asia Ke-3 yang berlangsung pada 22 hingga 31 Oktober 2025 ini menghimpunkan lebih 4,000 atlet muda dari 45 negara Asia dengan mempertandingkan sebanyak 26 acara sukan.

Pada edisi kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai dua acara sukan iaitu akuatik (renang) dan golf.

Tahun ini merupakan penyertaan negara kali ke-3 pada Sukan Belia Asia dan penyertaan terakhir NBD ialah pada tahun 2013 di Sukan Belia Asia Ke-2, Nanjing, Republik Rakyat China.

Lionel Messi sambung kontrak bersama Inter Miami hingga 2028

LONDON, 24 Okt. - Lionel Messi menandatangani kontrak baharu bersama Inter Miami hingga 2028, umum kelab berkenaan pada Khamis.

Bintang berusia 38 tahun itu pernah mengetuai Argentina menjulang Piala Dunia 2022, lapor PA Media/dpa.

Messi menyertai Inter Miami pada 2023 selepas karier gemilang di Barcelona, di mana beliau meraih empat trofi Liga Juara-Juara dan 10 kejuaraan LaLiga

sepanjang hampir dua dekad itu.

Pemenang lapan kali Anugerah Ballon d'Or itu dijangka mengetuai Argentina sekali lagi pada Piala Dunia 2026 yang akan berlangsung di Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico.

Perjanjian terbaharu ini juga bakal menyaksikan Messi kekal bersama kelab itu ketika mereka berpindah ke stadium baharu, Freedom Park pada 2026. - ©BERNAMA

Badan induk FIA sahkan portal pemandu Formula Satu digodam

MEXICO CITY, 24 Okt. - Badan induk Formula Satu (F1), Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) mengesahkan bahawa portal pemandu yang dikendalikan mereka digodam awal tahun ini, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Jurucakap FIA mengesahkan perkara itu di luar Grand Prix Mexico, selepas penggadam sebelum ini mendedahkan pelanggaran keselamatan itu di media sosial.

Kumpulan penggadam berkenaan mendakwa mereka merupakan peminat F1 dan tidak mempunyai niat jahat, sebaliknya hanya mahu menunjukkan kelemahan sistem keselamatan laman sesawang itu.

"FIA menyedari insiden siber yang melibatkan laman web Klasifikasi

Pemandu F1 pada musim panas lalu. Langkah segera telah diambil bagi melindungi data para pemandu," menurut kenyataan FIA.

Antara maklumat yang berpotensi diakses termasuk data pasport milik juara dunia F1, Max Verstappen, namun laporan media menyatakan penggadam tidak melihat atau menyimpan sebarang maklumat sensitif sebelum menghentikan tindakan mereka.

FIA turut memaklumkan bahawa kumpulan penggadam itu telah memberitahu pihaknya mengenai kelemahan keselamatan berkenaan pada awal Jun.

Portal itu terus ditutup serta diperbaiki dengan kerjasama kumpulan itu bagi mengelakkan serangan siber berulang. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

SERIA telah dipilih sebagai salah sebuah bandar yang menerima Anugerah 6th ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) pada 3 September 2025 di Langkawi, Malaysia. Anugerah ini merupakan inisiatif di bawah ASEAN Working Group on ESC yang bertujuan memberikan pengiktirafan kepada bandar-bandar ASEAN yang menunjukkan kepimpinan serta kecemerlangan dalam memajukan agenda pembangunan bandar mampan berteraskan kelestarian alam sekitar.

SUMBER : Pelita Brunei, 8 September 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KEIMANAN DAN KETAKWAAN ADALAH BENTENG DALAM MENGHARUNGI CABARAN KEHIDUPAN DI DUNIA